

BAB 4

ANALISIS FILEM

4.1 PENGENALAN

Islam adalah *al-Din*, iaitu satu cara hidup paling sempurna dan menyeluruh yang meresap masuk ke dalam seluruh aspek kehidupan manusia.¹ Ia juga merupakan agama atau sistem hidup yang mengatur kehidupan manusia, supaya manusia dapat mengenali dan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t dalam konteks yang sebenar.²

Justeru itu, maka tiada ruang dan masa walau sesaat jua pun dalam kehidupan manusia yang terlepas dari konsep *al-Din*. Islam yang berasaskan akidah, syariah dan akhlak merupakan nadi penggerak yang mencetuskan tamadun dan kebudayaan Islam.³ Oleh itu, bagi melahirkan sebuah filem Islam maka sesebuah filem itu perlu bersih dari perkara-perkara haram dan terus berada dalam ruang lingkup *al-Din*.

Bagi memenuhi objektif kajian, maka bab ini akan menganalisis filem *Ketika Cinta Bertasbih* dengan melihat sejauh mana filem ini mematuhi kaedah-kaedah asas halal dan haram. Semoga ia dapat menyumbang sebagai satu piawaian atau garis panduan dalam menghasilkan filem Islam.

¹ Mohd Faizal P.Ramlee et al. (2011), *Op. Cit.*

² Abdullah Said et al. (2011), *Op. Cit.*

³ Mohd Faizal P.Ramlee et al. (2011), *Op. Cit.*

4.2 ANALISIS

Sebagai medium dakwah kontemporari, filem merupakan salah satu daripada kaedah berdakwah secara tidak langsung dengan cara berhubung secara am (menyeluruh) dengan menyampaikan maklumat kepada orang ramai dalam jumlah yang besar.⁴ Penyebaran dakwah ini melalui unsur-unsur yang terdapat dalam elemen sesebuah filem. Maka oleh itu unsur-unsur ini perlu diawasi dan ditapis dengan sebaik mungkin agar ia mampu menjadi risalah Islam dalam menegakkan “amar makruf nahi mungkar” kepada khalayak.⁵ Dalam analisis ini, kajian ini akan memfokuskan terhadap dialog filem, skrip filem, lokasi filem, cara penyampaian watak dan unsur pengajaran dalam filem.

4.2.1 DIALOG FILEM

Dialog filem merupakan salah satu daripada unsur penting yang terdapat dalam elemen teks filem.⁶ Sesebuah drama tanpa teks sama ada dalam bentuk dialog atau gerak-gerak yang mempunyai makna, bukanlah drama tetapi pernyataan yang ‘merapu tanpa tujuan’.⁷ Oleh kerana itu ia amat penting bagi menggambarkan jalan penceritaan sesebuah filem.

Dialog dalam sesebuah filem Islam atau filem dakwah perlu bersih dari perkara-perkara haram malah ia juga perlu bersih dari perkara-perkara syubhah. Sesebuah

⁴ Noraini Ismail et al. (2012), *Islam dan Komunikasi*, Cet. 1, Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Hlm, 175.

⁵ Naim Haji Ahmad (2008), *Op. Cit.*

⁶ Nursyazrin Nazree Mudeen (2012), *Op. Cit.*

⁷ Naim Haji Ahmad (2011), *Op. Cit.*

filem itu tidak dikenali sebagai filem Islam atau filem dakwah jika masih terdapat keraguan dari aspek hukum, kerana takut boleh jatuh ke lembah haram. Di bawah ini terdapat beberapa dialog yang boleh dihubung kaitkan dengan salah satu daripada kaedah-kaedah asas halal dan haram.

i. Menjauhi Diri dari Syubhah Kerana Takut Terlibat dalam Haram


Terdapat suatu persoalan yang tidak begitu jelas antara halal yang nyata dan haram yang nyata. Hal ini dikenali sebagai syubhah yang mungkin dihadapi oleh sebahagian manusia yang berada dalam keadaan samar antara halal dan haram. Ada kalanya kesamaran ini disebabkan oleh dalil-dalilnya yang tidak jelas. Dan ada kala tidak jelas dalam penerapan nas (*tathbiq nash*) atas masalah berkenaan.⁸

Unsur dialog filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang mempunyai unsur syubhah adalah seperti berikut:

- Furqan : Mustahil, tidak mungkin. Kalian salah, ini pasti bukan saya punya.
- Kolonel : Ini ujian perubatan tidak mungkin salah.
- Furqan : Saya tidak pernah melakukan dosa besar dalam keadaan terbiasu!
- Kolonel : Mungkin saja Tuan disuntik dengan virus HIV.
- Furqan : Aku tidak percaya ini ya Allah. Ya Allah aku tidak percaya ini. Aku tidak percayai ini ya Allah. Kenapa aku ya Allah? Seumur hidup ku, aku tidak pernah melakukan zina. Apa salah ku ya Allah?!
- Pihak Hospital : Sabar Tuan Furqan, Sabar sahabat ku. Ini bukan akhir segalanya. Jangan cemas, ini ujian akan selesai.

⁸ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

- Furqan : Hidup ku telah selesai. Aku sudah mati. Lebih baik dikuburkan sahaja daripada menanggung aib seperti ini!
- Pihak Hospital : Jangan putus asa. Sabar wahai sahabatku. Hidup mu masih panjang. Ini cubaan daripada Allah.
- Furqan : Anda bicara begitu kerana anda tidak merasai apa yang saya alami!
- Kolonel : Kami akan bantu anda keluar dari kesulitan ini ya Furqan. Kami akan menjaga reputasi anda dan martabat keluarga anda. Tapi anda harus mendengar nasihat saya. Saya sudah meminta pihak hospital merahsiakan hal ini. Anda harus segera meninggalkan Mesir secepatnya. Anda berjanji tidak akan menyebarkan penyakit ini kepada orang lain. Saya pasti akan menjaga rahsia anda. Tidak ada yang tahu anda terkena virus HIV kecuali anda, saya, petugas hospital dan tentunya Allah s.w.t.



Gambar Rajah 4.1

⁹ Klip nombor. Klip nombor berasal dari *Cavidi X Pro Filem* yang dianalisis, di mana ‘X’ dalam kajian ini menggunakan program Microsoft Windows *Movie Maker* program, versi 5.1.

¹⁰ Kod masa bagi klip tayangan gambar yang diambil.

Dialog di atas merupakan slot babak ketika Furqan menerima laporan darah dari pihak hospital Mesir. Dari observasi yang dilakukan penulis melihat babak ini amat mengecewakan. Ia tidak menggambarkan atau mencirikan seorang sarjana Islam, sebaliknya menggambarkan seorang yang berduka-cita kepada ketentuan dan ujian dari Allah s.w.t. Hal ini amat bahaya kepada khalayak, kerana apabila seseorang sedang menghadapi musibah mereka mudah mengeluarkan kata-kata yang tidak sepatutnya dan sering menyalahkan takdir. Malah paling bahayanya kata-kata tersebut boleh merosakkan akidah.

Seperti mana menurut Haron Din, emosi yang tidak terkawal mengakibatkan seseorang menjadi pemarah atau lebih parah lagi apa yang diistilahkan sebagai panas baran. Sifat ini termasuk dalam salah satu daripada sifat mazmumah yang sangat bahaya kepada pelakunya, kerana marah adalah sifat yang sangat disukai oleh syaitan. Oleh kerana marah merupakan pintu syaitan maka orang yang membiarkan dirinya dikuasai perasaan marah seolah-olah mengundang kehadiran syaitan ke dalam tubuh badannya, kerana di antara pintu-pintu syaitan di hati manusia ialah sifat marah.¹¹

Memang tidak dinafikan filem ini banyak memberi ilmu baru berkaitan ilmu-ilmu *fiqh* Islam. Tetapi bukankah lebih cantik lagi jika filem ini turut menekankan berkaitan dengan unsur akidah, kerana akidah merupakan asas utama dalam agama Islam. Akidah diumpama seperti akar kepada sebatang pokok atau asas kepada sesebuah binaan. Kekuatan sebatang pokok untuk terus tegak berdiri dan tidak

¹¹ Haron Din (2010), *Rawatan Penyakit-Penyakit Rohani*, Cet. 1, Bangi: Darussifa' Berhad, Hlm. 52.

mudah tumbang adalah bergantung kepada akarnya yang menjunam dan mencengkam bumi.¹²

Sebagai seorang yang beriman kita wajib meyakini bahawa rezeki, ajal dan segalanya telah ditentukan dan tiada seorang pun dapat menghalang apa yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t.¹³

Firman Allah s.w.t.:

وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَن يَشَاءَ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا حَكِيمًا

Maksudnya : *Dan tiadalah kamu berkemahanan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (mengaturkan sebarang perkara yang dikehendaki-Nya).*

(al-Insaan (76): 30)

إِنَّ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).*

(al-Qamar (54): 49)

وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ قَدْرًا مَّقْدُورًا

Maksudnya : *Dan (ingatlah) perintah Allah itu adalah satu ketetapan yang ditentukan berlakunya.*

(al-Ahzab (33): 38)

Oleh itu sekiranya berlaku sesuatu perkara sama ada yang disukai atau tidak hendaklah kita menerimanya dengan reda kerana segala ketentuan Allah s.w.t.

¹² Abdullah Said (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 37.

¹³ *Ibid.*, Hlm. 79.

mempunyai *hikmah* di sebaliknya yang kadangkala tidak terjangkau oleh pemikiran manusia.¹⁴

Filem Islam atau filem dakwah bukan mengajar khalayak untuk sama-sama berputus asa, sebaliknya ia menjadi model untuk dijadikan contoh teladan kepada khalayak. Oleh itu perkara-perkara yang mungkin boleh merosakkan minda penonton lebih baik dielakkan, kerana kita takut ia termasuk dalam perkara-perkara syubhah. Malah menjaga diri dari perkara syubhah juga termasuk dalam kaedah *Sadd al-Zarā'i`* iaitu menutup pintu kerana menjaga diri, sebagaimana yang dibicarakan sebelum ini. Maka oleh itu ia boleh dikaitkan dengan kaedah:

اتقاء الشبهات خشية الوقوع في الحرام

Maksudnya : *Menjauhi diri dari syubhah kerana takut terlibat dalam haram*

Menurut Muṣṭafā al-Bughā, barangsiapa yang memelihara diri daripada perkara-perkara syubhah dengan cara tidak mengerjakannya maka bererti ia telah memelihara agama dan kehormatannya.¹⁵

Hal ini kerana bersesuaian dengan hadis Rasulullah s.a.w.:

الْحَلَالُ بَيْنَ وَالْحَرَامِ بَيْنَ، وَبَيْنَ ذَلِكَ أُمُورٌ مُشْتَهَىٰتٌ، لَا يَدْرِي كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ أَمِنٌ
الْحَلَالِ هِيَ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ، فَمَنْ تَرَكَهَا اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ فَقَدْ سَلَمَ، وَمَنْ وَاقَعَ
شَيْئًا مِنْهَا، يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَ الْحَرَامَ، كَمَا أَنَّهُ مِنْ يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَىِ، يُوشِكُ أَنْ
يُوَاقِعَهُ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَىِ، أَلَا وَإِنَّ حِمَىَ اللَّهِ مَحَارِمٌ

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Muṣṭafā `Abd al-Rahmān (2001), *Hadith Empat Puluh* (terj.), Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar, Hlm. 146.

Maksudnya: "Yang halal sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas, di antara keduanya itu ada beberapa perkara yang belum jelas (syubhah), banyak orang yang tidak tahu apakah dia itu masuk bahagian yang halal atau yang haram? Maka barang siapa yang menjauhinya kerana hendak membersihkan agama dan kehormatannya, maka dia akan selamat,. dan barang siapa mengerjakan sedikit pun daripadanya hampir-hampir ia akan jatuh ke dalam haram, sebagaimana orang yang menggembala kambing di sekitar daerah larangan, dia hampir-hampir akan jatuh kepadanya. Ingatlah! Bahawa tiap-tiap raja mempunyai daerah larangan. Ingat pula, bahawa daerah larangan Allah itu ialah semua yang diharamkan."

(Riwayat al-Bukhārī, Muslim dan al-Tirmidhī, dan riwayat ini adalah lafaz al-Tirmidhī)¹⁶

Dialog ini sepatutnya digantikan dengan dialog yang boleh memberi semangat dan contoh baik kepada khalayak, kerana sebagai umat Islam kita wajib beriman kepada qadak dan qadar dan sentiasa perlu bersabar apabila menghadapi musibah.

Bersesuaian dengan firman Allah s.w.t.:

وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِالْغَدْوَةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ
وَجْهَهُرٌ

Maksudnya : *Dan kuatkanlah sabar dirimu bersama orang yang menyeru kepada Tuhanmu pagi dan petang yang mereka hanya menginginkan wajah-Nya.*

(al-Kahfi (18): 28)

تَبَرَّكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾ الَّذِي خَلَقَ
الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُو كُمْ أَيُّكُمْ أَحَسَنُ عَمَلاً وَهُوَ أَعْزِيزُ الْغَفُورِ ﴿٢﴾

Maksudnya: *Maha Suci Allah yang di tangan-Nya segala kerajaan. Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.*

(al-Mulk (67): 1-2)

¹⁶ Muhammad bin 'Isā bin Sawrah bin Mūsā bin al-Ḍaḥḥak al-Tirmidhī Abū 'Isā (1998), *Op. Cit.*, Juz. 2, Hlm. 502.

Namun walau bagaimanapun dialog ini tidak sampai ke tahap haram. Ia masih terdapat kesamaran sama ada ia halal ataupun haram, hal ini kerana tidak ada dalil yang jelas. Huraian di atas hanya melihat kemungkinan bahaya yang mungkin boleh lahir dari dialog ini. Kajian ini merasakan untuk berhati-hati lebih baik dialog seperti ini perlu dijauhi. Bersesuaian dengan kaedah *fiqh* :

اتقاء الشبهات خشية الوقوع في الحرام

Maksudnya : *Menjauhi diri dari syubhah kerana takut terlibat dalam haram.*

Dialog yang baik sepatutnya mengajak penonton bersama-sama menghayati ajaran Islam serta meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Oleh itu penggiat filem perlu memastikan filem mereka mampu menjadi risalah dakwah serta setiap apa yang disampaikan mesti bersih dari unsur bertentang dengan akidah, syariah dan akhlak Islam serta perkara-perkara syubhah.

Selain dari dialog di atas terdapat juga dialog lain yang boleh menyamai kaedah yang sama, dialog tersebut adalah seperti berikut:

Ibu Mahbub : *Awas, jangan sampai air mata kalian membasahi jenazah ibumu, ya!*

			
Duration 0:00:13.68 Time 0:10:26.21	Duration 0:00:01.71 Time 0:10:28.10	Duration 0:00:03.46 Time 0:10:30.01	Duration 0:00:23:52 Time 0:10:39.32



Gambar Rajah 4.4

Dialog seterusnya pula merupakan slot babak ketika Husna, Lia dan keluarga Mahbub melihat jenazah ibu di hospital. Apabila melihat jenazah ibu mereka, Husna dan Lia tidak dapat menahan kesedihan. Air mata mengalir menangisi pemergian ibu kesayangan mereka, kerana itu ibu Mahbub telah menasihatkan mereka supaya berjaga-jaga agar air mata mereka tidak menitis ke atas jenazah ibu mereka.

Kata-kata ini sering didengar dari mulut-mulut orang Melayu. Setakat kajian yang dilakukan belum menemui sebarang perbincangan ulama berkaitan larangan menitiskan air mata ke atas jenazah. Adapun hanya terdapat perbincangan hukum berkaitan dengan menangisi jenazah. Maka di sini para ulama telah berijmak bahawa hukum menangisi mayat itu hukumnya boleh dengan syarat tidak disertai ratapan dan pekikan.¹⁷

¹⁷ Al-Saīyid Sābiq (t.t.), *Fiqh al-Sunnah*, Khaerah : al-Fatah Li al-`Ilām al-`Arabī, Juz. 1, Hlm. 351.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُعَذِّبُ بِدَمْعِ الْعَيْنِ، وَلَا بِحُزْنِ الْقَلْبِ، وَلَكِنْ يُعَذِّبُ – بِهَذَا وَأَشَارَ إِلَى لِسَانِهِ.

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak menjatuhkan seksa dengan sebab mengalirkan air mata atau hati yang duka, tetapi dijatuhkan-Nya hukuman atau diberi-Nya keampunan disebabkan ini – sambil menunjuk ke lidah.

(Riwayat Muslim dan al-Bukhārī)¹⁸

Akan tetapi perlu diketahui bahawa menangis yang dibolehkan itu ialah menangis tanpa diiringi dengan jeritan atau raungan. Jika disertai perbuatan tersebut maka hukumnya adalah haram.¹⁹ Salah satu sebab adalah kerana terseksa mayat dan pahit penderitaannya.²⁰

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ الْمَيِّتَ لَيُعَذِّبُ بُكَاءَ الْحَيِّ

Maksudnya : Sesungguhnya mayat itu akan diseksa disebabkan tangisan dari orang yang hidup!

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)²¹

Dalam hadis yang lain Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ نِيَحَ عَلَيْهِ، فَإِنَّهُ يُعَذِّبُ بِمَا نِيَحَ عَلَيْهِ

Maksudnya : Sesiapa yang ditangisi, ia akan mendapat seksa kerana ditangisi itu.

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)²²

¹⁸ Muḥammad bin Ismā`īl Abū `Abd Allah al-Bukhārī al-Ja’fī (t.t.), *Ṣohīḥ al-Bukhārī*, Diedit oleh Muḥammad Zahīr Bin Nāṣir al-Nāṣir, Dār Tūwq al-Najāh, Juz 2, Hlm. 84.

¹⁹ Muḥammad al-Syarbanī al-Khatib (2008), *al-Īqna'* (terj), Cet.1, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, Juz 1-2, Hlm. 307.

²⁰ *Ibid.*

²¹ Muslim bin al-Hajjāj Abū al-Ḥasan al-Qusyayrī al-Naysābūrī (t.t), *Op. Cit.*, Juz. 2, Hlm. 639.

²² Muḥammad bin Ismā`īl Abū `Abd Allah al-Bukhārī al-Ja’fī (t.t.), *Op. Cit.*, Juz 2, Hlm. 80.

Maksud hadis di atas iaitu mayat akan berasa sedih dan terseksa oleh tangisan keluarganya kerana ia akan mendengar tangisan dan melihat apa-apa yang mereka lakukan. Jadi, maksudnya bukanlah si mayat akan dihukum dan diseksa kerana tangisan keluarganya, kerana dosa seseorang tidaklah akan dibebankan kepada orang lain.²³

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنَّ أَعْمَالَكُمْ تُعَرَّضُ عَلَى أَفَارِبِكُمْ وَعَشَائِرِكُمْ مِنَ الْأَمْوَاتِ، إِنْ كَانَ خَيْرًا
اسْتَبْشِرُوا بِهِ، وَإِنْ كَانَ غَيْرَ ذَلِكَ، قَالُوا: اللَّهُمَّ لَا تُمْتَهِنْهُمْ، حَتَّىٰ تَهْدِيهِمْ كَمَا
هَدَيْتَنَا

Maksudnya : Sesungguhnya amal perbuatanmu akan dihadapkan kepada kaum kerabat dan keluargamu yang telah meninggal. Jika baik, mereka akan gembira kerananya, dan jika tidak mereka akan memohon: Ya Allah, janganlah mereka diwafatkan sebelum mereka Engkau tunjuki, sebagaimana Engkau telah memberikan petunjuk kepada kami.

(Riwayat Aḥmad dan Tirmidhī)²⁴

Oleh itu dialog seperti ini lebih baik dijauhi, kerana tiada sebarang dalil Quran maupun hadis yang menyokong larangan tersebut. Perkara ini perlu dielakkan bagi bertujuan untuk menjaga maslahat akidah umat Islam, kerana takut mungkin ada penonton yang akan mengambilnya sebagai hujah hukum larangan atas perkara tersebut. Perkara yang mempunyai keraguan perlu dijauhi kerana ia tergolong dalam perkara syubhah.

Kesimpulannya filem ini yang bertujuan menyampaikan ilmu dan ajaran Islam perlu berhati-hati, kerana takut tersalah mengambil rujukan. Hal ini kerana dewasa kini

²³ Al-Saīyd Sābiq (t.t.), *Op. Cit.*, Juz. 1, Hlm. 352.

²⁴ Abū `Abd Allah Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin Asad al-Syaybānī (2001), *Op. Cit.*, Juz. 20, Hlm. 114.

terlalu banyak hadis-hadis palsu maka perlu berhati-hati dalam mengambil sumber hukum. Setiap yang tidak ada sebarang sandaran maka lebih baik dijauhi, kerana perkara syubhah boleh menyebabkan jatuh ke lembah haram. Bersesuaian dengan kaedah *fiqh* :

اتقاء الشبهات خشية الوقوع في الحرام

Maksudnya : *Menjauhi diri dari syubhah kerana takut terlibat dalam haram.*

ii. Mengharamkan yang Halal dan Sebaliknya Sama dengan Syirik

Islam adalah agama sederhana yang teguh dalam akidah dan tauhid serta sederhana dalam urusan pekerjaan dan perundangan. Lawan dari dua perkara ini ialah syirik dan mengharamkan sesuatu yang halal samalah dengan syirik. Hal kerana itulah Quran dengan begitu tegas menentang kesyirikan dan penyembahan mereka terhadap patung-patung berhala yang ada pada orang Arab Jahiliah. Juga menentang sikap mereka yang berani mengharamkan ke atas diri mereka perkara-perkara yang baik dan halal sama ada tanaman atau haiwan, sedangkan perbuatan mereka itu di luar dari keizinan Allah s.w.t.²⁵ Oleh itu Allah s.w.t. menurunkan ayat-ayat *muhkamah* (hukum) agar mereka dapat berdiri di atas batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. dan mengembalikan mereka ke jalan Islam yang lurus.²⁶

Unsur dialog filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang menyamai kaedah ini adalah seperti berikut:

²⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

²⁶ *Ibid.*, Hlm. 28.

- Ibu Edi : Jangan berani melanggar pantangan. Ini yang disebut perkahwinan *nusan* (terlarang). Milah ini anak nombor *telu*, nombor tiga. Sementara calon suaminya anak *kapisan*, anak pertama.
- Edi : Ibu... di luar sana, orang sudah menjelajah luar angkasa, orang sudah bisa menerbangkan pesawat dan penumpangnya lebih dari 500 orang. *Nako* (kenapa) ibu masih percaya dengan sama namanya *nusan*? Itu khurafat ibu!
- Ibu Edi : *Nakhurapat* ke! *Nakhurapet*! Ibu tidak peduli. Pokok *eh*, ibu tidak akan memberi izin anak nombor tiga ibu menikahi dengan lelaki mana pun yang *perbarep* (anak akhir) atau anak pertama, titik!



Gambar Rajah 4.2

Dialog di atas merupakan slot babak perbincangan keputusan lamaran Azzam untuk memperisterikan Mila. Ibu Mila telah menolak lamaran Azzam, dengan alasan anak nombor ketiga tidak boleh berkahwin dengan anak pertama. Perkahwinan ini adalah

perkahwinan yang terlarang. Jika perkahwinan ini diteruskan maka salah satu daripada orang tua daripada pengantin lelaki mahupun perempuan akan binasa.

Secara jelasnya kepercayaan ini adalah kepercayaan karut orang dahulu. Kepercayaan ini bertentangan dengan akidah Islam, kerana Allah s.w.t. yang hak menentukan undang-undang bagi kehidupan manusia, halal, haram, peraturan hidup, kehakiman dan segala perintah dan larangan Allah s.w.t.²⁷

Bersesuaian dengan firman Allah s.w.t.:

اللَّهُ أَكْلَقَ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: *Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam.*

(al-A'raf (7): 54)

Begitu juga bersesuaian dengan kaedah :

تحريم الحلال و تحليل الحرام قرين الشرك بالله

Maksudnya: *Mengharamkan yang halal dan sebaliknya sama dengan syirik.*

Sebagai filem Islam atau filem dakwah pendidikan akidah amat penting dalam membentuk sifat-sifat naluri, akal fikiran, iradat dan perasaan manusia. Ringkasnya pendidikan ini bermatlamat untuk membentuk nilai akhlak dan keperibadian seseorang insan yang akan mencorakkan gerak laku amal perbuatan selaras dengan

²⁷ Muhammad Hafizi Hasbullah (2010), *Keajaiban Bersyariat dan 20 Tanda-tanda Murtad : Penghalang dan Puncanya*, Cet. 1, Rawang: Pustaka Ilmuan, Hlm. 93.

peranan dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. di muka bumi ini.²⁸

Oleh itu sebagai berjaga-jaga dialog seperti ini lebih baik dielakkan, kerana bukan semua penggiat filem memahami batas-batas akidah, syariah dan akhlak. Tambahan pula di Malaysia filem berunsur seram lebih mendapat sambutan penonton tempatan di pawagam berbanding filem-filem lain.²⁹ Ini lebih berbahaya kerana filem seram lebih banyak memasukkan unsur-unsur kepercayaan khurafat, tahayul dan beberapa kepercayaan karut masyarakat Melayu dahulu.

Biasanya penggiat filem menjadikan alasan niat baik untuk menghalalkan unsur-unsur ini. Perlu diingatkan bagaimana pun niat baik kita menghasilkan filem atau drama berwajah Islam, bukan tiket untuk menghalalkan perkara-perkara yang haram selagi mana penghasilannya salah dan tidak menepati syariat.³⁰ Bersesuaian dengan kaedah:

النية الحسنة لا تبرر الحرام

Maksudnya: *Niat yang baik tidak menghalalkan yang haram.*

Bagi mengelakkan dialog seperti ini berulang, pengarah filem boleh sahaja menggantikan dengan idea lain. Sebagai contoh ibu Edi menolak pinangan Azam kerana Milah dengan Azam adalah sepupu. Kerana dalam mazhab Syafi'i, seseorang

²⁸ Nik Abdul Rahman Nik Abdul Ghani (2008), *Soal Jawab Remeh-Temeh Tentang Akidah Tapi Anda Malu Bertanya*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd., Hlm. V.

²⁹ Utusan, Arkib, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1220&pub=Utusan_Malaysia &sec=Terkini&pg=bt_14.htm, Diambil pada 20 Disember 2012.

³⁰ My Metro, Setempat, <http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/KaryausahaBaisyariat/Article>, Diambil pada 30 Disember 2012.

lelaki tidak digalakkan berkahwin dengan saudara yang terdekat. Hal ini kerana syahwat terhadap kaum kerabat yang terdekat adalah lemah.³¹

Kesimpulannya dalam melafazkan apa-apa pun sesuatu kata-kata perlu berhati-hati, kerana ia mungkin menyentuh isu syariah atau akidah. Malah seseorang itu mungkin boleh sampai mengeluarkan hukum yang tidak diterima mana-mana ulama atau isu-isu akidah yang boleh merosakkan iman. Paling bahaya adalah isu-isu berkaitan kepercayaan atau akidah, kerana perkara-perkara akidah tidak boleh dipermainkan secara nyata mahupun lakonan. Hal ini kerana akidah boleh terbatal dengan sebab iktikad atau perkataan ataupun perbuatan.³²

Selain dari dialog di atas terdapat juga dialog lain yang boleh menyamai kaedah yang sama, dialog tersebut adalah seperti berikut:

Husna : Ibu *eh*, Husna punya teman. Mas Azzam juga sudah pernah ketemu waktu jemput di bandaran. Kalau Mas Azzam mahu ibarat esok pagi menikah juga bisa ibu *eh*. Dia pernah bilang sama Husna kalau dia suka pada Maz Azzam, orang tuanya juga amat berharap bisa menjodohkan dia dengan Mas Azzam.

Ibu : Siapa?

Husna : Rina itu ibu *eh*, yang pernah menginap di sini satu minggu. Mahasiswa UNS.

Ibu : Ibu tidak setuju!

Husna : Kenapa ibu *eh*? Ina kan berjilbab. Bagi Husna dia itu juga agak bagus dan lagi dia teman baik Husna.

Ibu : Pokok *eh*, ibu *eh* tidak bersetuju!

Husna : Ya tapi kenapa?

³¹ Muṣṭafā al-Khan & Muṣṭafā al-Bughā (2000), *Op. Cit.*, Hlm. 39.

³² Abdullah Said (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 87.

- Ibu : Rina itu kebiasaannya tidak bagus. Bisa-bisanya waktu dia menginap di sini dahulu itu habis solat subuh *eh*, tidur lagi. Sedangkan kita bertiga sudah sibuk bekerja. Bangun-bangun malah jam tujuh. Itu, ibu tidak cocok.
- Husna : Ya sudah, kalau ibu tidak setuju tidak apa-apa. Pasti Rina akan ketemu dengan jodohnya sendiri.
- Ibu : Bagaimana cuba kalau dia jadi ibu rumah tangga nanti. Di rumah orang sudah macam itu, nekadnya di rumah sendiri.
- Husna : Waktu itu mungkin Rina terlalu letih, ibu *eh*. Sehari sebelumnya Rina ada acara di kampusnya.
- Ibu Azzam : Apa-apa alasannya, pokoknya tidak setuju. Bapamu itu dulu bilang kalau habis solat subuh kita tidur lagi, rezekimu itu hilang dipatuk ayam!



Gambar Rajah 4.

Dialog di atas merupakan perbincangan antara Husna dengan ibunya. Husna telah mencadangkan Rina iaitu kawan baiknya untuk dijodohkan dengan Azzam. Tetapi ibunya menolak kerana tidak begitu minat dengan sikap Rina yang sering tidur semula selepas solat subuh. Alasannya sesiapa yang bangun lewat pagi atau tidur selepas solat subuh rezekinya nanti akan hilang dipatuk ayam.

Dialog yang hendak penulis fokuskan di sini ialah: “*bapamu itu dulu bilang kalau habis solat subuh kita tidur lagi, rezekimu itu hilang dipatuk ayam*”. Kata-kata ini hanya sekadar kata-kata rekaan kepercayaan orang tua dahulu, tidak ada sebarang sandaran dari mana-mana ayat Quran mahupun hadis.

Sudah menjadi kebiasaan kita sering mendengar larangan tidur selepas subuh. Tetapi menurut Muḥammad Ṣalih al-Munajjid mengatakan bahawa beliau tidak pernah jumpa mengenai larangan perihal perkara ini.³³ Begitu juga menurut Mohd Asri Zainul Abidin, secara umumnya beliau tidak pernah mendengar hadis yang melarang tidur selepas subuh, adapun hadis yang mengatakan tidak boleh tidur selepas asar tidak kuat. Tidak mungkin ada larangan tersebut, sedangkan agama Islam itu sendiri meraikan maslahat manusia selagi mana tidak menyalahi Quran dan hadis. Hal ini kerana berdasarkan keperluan seseorang manusia itu adalah berbeza, sebagai contoh mereka yang penat bekerja semalam sebagai seorang jaga.³⁴

Mungkin ada sesetengah yang melihat dialog ini tidak mempunyai sebarang masalah atau hanya sebagai kepercayaan biasa orang lama. Tetapi kajian ini melihat dari

³³ Koleksi Soal Jawab Solat, <http://soalsolatumum.blogspot.com/2009/01/tidur-selepas-subuh.html>, Diambil pada 20 Disember 2012.

³⁴ Hadith - Larangan Tidur Selepas Subuh?, <http://www.youtube.com/watch?v=YAMbtnK76WY>, Diambil pada 20 Disember 2012.

sudut kesan dakwah yang ingin disampaikan, dialog ini mungkin boleh memberi impak yang negatif kepada penonton. Tambahan lagi filem ini membawa mesej Islam, maka penonton akan mudah mengambil apa sahaja yang dirasakan baik. Sedangkan apa yang disampaikan tidak ada sebarang sandaran atau diiktiraf oleh mana-mana ayat Quran maupun hadis.

Walaupun secara zahirnya kata-kata ini tidak mengharamkan tidur selepas subuh. Tetapi salah faham penonton terhadap kata-kata ini bukan hanya bahaya dari sudut hukum semata-mata malah ia menyentuh soal akidah. Bersesuaian dengan kaedah:

تحريم الحلال و تحليل الرام قرین الشرك بالله

Maksudnya : *Mengharamkan yang halal dan sebaliknya sama dengan syirik.*

Tidak dinafikan memang ada hadis-hadis berkaitan larangan tidur selepas subuh, namun hadis-hadis ini tidak begitu kuat. Hadis-hadis larangan tersebut seperti berikut:

- i) Ibnu `Adīy meriwayatkan dari `Uhtmān bin `Affān r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

الصيحة تمنع الرزق

Maksudnya: *Tidur pada awal pagi mencegah rezeki.*

Hadis ini diriwayatkan oleh `Abd Allah bin Aḥmad dalam kitab *Ziyādah al-Musnad* dan *al-Baīhaqī*. Tetapi sangat daif kerana dalam sanadnya terdapat Ishāq bin Abū Farwah seorang yang *matruk* (seorang perawi yang dituduh berdusta).³⁵

³⁵ Abdul Ghani Azmi Idris (1999), *Himpunan Hadis Dha'if dan Maudhu'*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, jil. 2, Hlm. 763-764.

- ii) Al-Dailānī mentakhrijkan dari Anas r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا تناموا عن طلب أرزاقكم فيما بين صلاة الفجر إلى طلوع الشمس. قال:
فسئل مالك عن معنى هذا الحديث فقال: يسبح ويكبر ويستغفر سبعين مرة فعند
ذلك يتزل الرزق

Maksudnya: *Janganlah kamu tidur untuk mencari rezeki kamu antara solat fajar sampai naik matahari. Kata perawi: Kepada Malik ditanya mengenai pengertian hadis ini, maka beliau berkata: Hendaklah seseorang bertasbih, bertakbir dan beristighfar tujuh puluh kali, maka di kala itu turunlah rezeki.*

Hadis ini sangat daif kerana ia diriwayatkan dari jalan Asybaghī bin Nubath seorang yang *matruk*, seperti yang dikatakan oleh al-Nasā'ī dan Ibn Ḥibbān, bahkan ia adalah seorang pembohong seperti yang dikatakan oleh Abū Bakar bin `Aiyasy.³⁶

- iii) Al-Baihaqī meriwayatkan dari jalan `Abd al-Mālik bin Hārun bin ‘Antarah, dari Fāṭimah binti Muḥammad s.a.w., katanya:

مربي رسول الله صلى الله عليه وسلم وأنا مضطجعة ستصبح فحر كفي برجله
وقال يابنية قومي فأشهدى رزق ربك ولا تكوني من الغافلين فإن الله تعالى يقسم
أرزاق العباد ما بين طلوع الفجر إلى طلوع الشمس

Maksudnya: *Rasulullah s.a.w. telah melalui ku di kala aku sedang tidur di waktu pagi lalu baginda menggerakkan aku dengan kakinya seraya bersabda: Hai anakku, bangunlah dan bersaksikan rezeki Tuhanmu dan janganlah engkau termasuk dalam golongan orang yang lalai sesungguhnya rezeki-rezeki Allah akan dibahagi-bahagikan kepada hamba-hamba-Nya di antara waktu fajar sampai matahari naik.*

Hadis ini adalah sangat daif, kerana `Abd al-Mālik bin Hārun bin ‘Antarah ini adalah seorang yang *saqith* (gugur atau lemah):³⁷

³⁶ *Ibid.*, Hlm. 764-765.

³⁷ *Ibid.*, Hlm. 765-766.

Daripada penjelasan hadis di atas maka dialog-dialog seperti ini lebih baik dielakkan, kerana tidak ada hadis sahih yang melarangnya. Maka hukum tidur selepas subuh adalah harus, kerana bersesuaian dengan kaedah :

الاصل في الاشياء الاباحة

Maksudnya : *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah.*

Malah sebagai umat Islam kita wajib yakin dan beriman bahawa rezeki itu berada di tangan Allah s.w.t. serta Allah s.w.t. juga telah menjamin rezeki kepada seluruh manusia.

Bersesuaian dengan firman Allah s.w.t.:

* وَمَا مِنْ دَآبَةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقْرَرَهَا
وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلُّ فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿١﴾

Maksudnya: *Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).*

(Hud (11): 6)

وَفِي السَّمَاوَاتِ رِزْقُكُمْ وَمَا تُوعَدُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: *Dan di langit pula terdapat (sebab-sebab) rezeki kamu, dan juga terdapat apa yang telah (ditakdirkan dan) dijanjikan kepada kamu.*

(al-Dzariyat (51): 22)

Bukan itu sahaja malah kita wajib beriman bahawa Allah s.w.t. yang mampu memberi dan menyekat rezeki sesiapa yang Dia kehendaki. Seperti mana firman Allah s.w.t.:

أَوْلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَا يَتِ

لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: (*Mengapa mereka mendakwa demikian*), tidakkah mereka mengetahui bahawa sesungguhnya Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki Nya, dan ia juga yang menyempitkannya? Sesungguhnya yang demikian mengandungi keterangan-keterangan yang jelas bagi orang yang percayakan (*ilmu dan kebijaksanaan Allah*).

(al-Zumar (39): 52)

اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ

عَلِيمٌ

Maksudnya : Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki Nya di antara hamba-hamba Nya dan menyempitkan (rezeki itu) baginya; Sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(al-'Ankabut (29): 62)

Oleh kerana budaya tidur selepas subuh dianggap suatu yang tidak elok dan telah menjadi suatu kepercayaan dalam masyarakat, penulis cadangkan dialog yang sesuai bagi menggantikan dialog tersebut adalah seperti :

Apa-apa alasannya, pokoknya ibu tidak setuju. Bapamu itu dulu bilang kalau habis solat subuh kita tidur lagi, mereka ini tidak proaktif.

Ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

يَا بُنَيَّةُ، قَوْمِيْ فَاشْهَدِي رِزْقَ رَبِّكَ عَزَّ وَجَلَّ، وَلَا تَكُونِي مِنَ الْغَافِلِيْنَ، فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَقْسِمُ أَرْزَاقَ النَّاسِ مَا بَيْنَ طُلُوعِ الْفَجْرِ إِلَى طُلُوعِ الشَّمْسِ

Maksudnya: “Wahai anakku, bangunlah dan hadaplah rezeki Tuhanmu, dan janganlah engkau jadi dari kalangan orang yang lalai, sesungguhnya Allah membahagikan rezeki manusia di antara terbit fajar hingga terbit matahari.”

(Riwayatkan al-Bayhaqī)³⁸

³⁸ Abū al-Qāsim `Abd al-Malik Bin Muḥammad Bin `Abd Allah Bin Basyrān Bin Muḥammad Bin Basyrān Bin Mahrān al-Baghdādī (1999), *Amālī Ibn Basyrān*, al-Riyād : Dār al-Waṭan, Juz. 1, Hlm. 113.

Kesimpulannya dialog babak ini perlu bersih dari ikutan-ikutan lama yang tidak berasas. Masyarakat Melayu biasanya sering mempunyai kepercayaan lama. Kepercayaan ini perlu dielakkan kerana takut berlaku syubhab selagi mana tidak ada sumber atau dalil yang dapat membuktikan. Seperti mana yang diterangkan sebelum ini akidah boleh terbatal dengan tiga keadaan iaitu niat, kata-kata atau perbuatan. Maka kita takut kepercayaan lama ini boleh merosakkan akidah umat Islam. Apakah lagi jika ada yang cuba menghalalkan perkara yang haram atau sebaliknya, kerana ia juga boleh merosakkan akidah. Bersesuaian dengan kaedah *fiqh* :

تحريم الحلال و تحليل الحرام قرین الشرك بالله

Maksudnya : *Mengharamkan yang halal dan sebaliknya sama dengan mensyirikkan Allah.*

4.2.2 SKRIP LAGU

Skrip lagu atau lirik merupakan salah satu daripada unsur elemen skrip.³⁹ Menurut Naim Haji Ahmad, lirik merupakan unsur terpenting dalam lagu. Hal ini kerana seseorang pendengar bukan sahaja akan terangsang dengan kemerduan lagu-lagu yang dibunyikan tetapi turut terangsang dengan bait-bait perkataan atau lirik yang diungkapkan. Penggunaan bahasa yang indah dan tersusun rapi serta mempunyai makna yang mendalam membuat khalayak menjadi terusik dan terasa.⁴⁰

Perbincangan skrip lagu perlu diambil perhatian, kerana ia juga merupakan salah satu faktor yang digariskan oleh Imam al-Ghazzālī sebagai penyebab yang mampu

³⁹ Nursyazrin Nazree Mudeen (2012), *Op. Cit.*

⁴⁰ Naim Haji Ahmad (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 119.

mengubahkan hukum mendengar nyanyian dari harus menjadi haram.⁴¹ Oleh itu lirik lagu perlu bersih dari kata-kata yang berunsur cacian, kotor atau perkataan dusta terhadap Allah s.w.t., Rasulullah s.a.w. dan terhadap sahabat-sahabat Baginda, seperti mana yang dilakukan oleh orang Syiah. Jika unsur-unsur ini wujud dalam mana-mana lirik lagu, maka mendengarnya menjadi haram baik dengan muzik atau tidak. Hal ini kerana pendengar itu turut mengikut serta seperti yang dilakukan.⁴²

Bagi melahirkan filem Islam maka pemilihan muzik turut diambil kira. Ini kerana muzik amat penting dalam menggarap sesebuah filem. Muzik yang baik adalah muzik yang saling lengkap melengkapi dengan jalan cerita filem yang dipersembahkan. Muzik yang segar mempunyai kekuatan dan berfungsi selaras dengan konteks filem serta dapat menambahkan makna kepada visual yang dipaparkan bagi merangsang khalayak untuk terus bersama dengan filem yang ditontonnya.⁴³

Oleh itu analisis seterusnya adalah berkaitan skrip lagu. Di bawah ini, penulis datangkan skrip lagu dari filem *Ketika Cinta Bertasbih* bagi melihat sejauh mana skrip ini selari dengan kaedah-kaedah asas halal dan haram.

⁴¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2008), *al-Īslām Wa al-Fann* (terj.), Cet. 3, Kuala Lumpur : al-Hidayah Publications, Hlm. 118.

⁴² *Ibid.*, Hlm. 1119-120.

⁴³ Naim Haji Ahmad (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 119.

i. Asal Bagi Setiap Sesuatu Adalah Mubah

Jumhur ulama berpandangan bahawa asal setiap sesuatu adalah harus sehingga datangnya dalil atas pengharamannya.⁴⁴ Tidak ada satu yang haram melainkan jika ada nas yang sah dan jelas dari syarak yang mengharamkannya. Jika tidak ada nas yang sah misalnya kerana ada sebahagian hadis yang lemah atau tidak ada nas yang *ṣariḥ* (tegas atau jelas) yang menunjukkan haram, maka hal tersebut tetap sebagaimana asalnya iaitu harus.⁴⁵

Skrip lagu dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang menyamai kaedah ini adalah seperti berikut:

Bertuturlah cinta
Mengucap satu nama
Seindah goresan sabda Mu dalam kitabku
Cinta yang bertasbih
Mengutus hati ini
Kudasarkan hidup dan mati ku pada Mu

Bisikkan doaku
Dalam butiran tasbih
Kupanjatkan pintaku pada Mu Maha Cinta
Sudah di ubun-ubun cinta mengusik resah
Tak bisa ku paksa walau hatiku menjerit

Ketika Cinta Bertasbih nadiku berdenyut merdu
Kembang kempis dadaku merungkai butir cinta
Garis tangan tergambar tak bisa aku menentang
Sujud syukur pada Mu atas segala cinta

Lirik lagu ini bertajuk *Ketika Cinta Bertasbih*, ia dinyanyikan oleh penyanyi Indonesia iaitu Amee dan Melly Goeslow. Secara jelas penulis melihat lirik ini

⁴⁴ Ibrāhīm Muḥammad Maḥmud al-Harīrī (1998), *Op. Cit.*

⁴⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

mengisahkan luahan cinta seseorang yang mengadu kepada Allah s.w.t. Luahan hati seorang insan dalam menyerah diri kepada Yang Maha Esa serta bersyukur dengan anugerah cinta yang diberikan.

Sudah menjadi fitrah dalam diri manusia yang tidak dapat lari perasaan cinta. Hal ini kerana cinta adalah anugerah terindah yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada setiap manusia. Segala yang bernama hubungan akan terasa hampa apabila tanpa disertai dengan cinta, kerana cintalah yang menjadikan satu hubungan menjadi indah dan membahagiakan.⁴⁶ Perasaan cinta itu halal, kerana cinta juga terdapat pada Allah s.w.t.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

الْمِقَةُ فِي السَّمَاءِ، إِذَا أَحَبَ اللَّهُ عَبْدًا قَالَ: إِنِّي أَحْبَبْتُ فُلَانًا فَأَحْبَبْتُهُ . قَالَ: فَتَنَزَّلُ
لَهُ الْمِقَةُ فِي أَهْلِ الْأَرْضِ

Maksudnya : *Cinta ada di langit, bila Allah mencinta seseorang hamba*
Ia berfirman : Sesungguhnya Aku mencintai Fulan maka cintailah dia.
Rasulullah s.a.w. bersabda : *Kemudian cinta turun padanya di penduduk bumi.*

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)⁴⁷

Walau bagaimanapun cinta kepada Allah s.w.t. dan cinta kepada Rasulullah s.a.w. merupakan tuntutan yang paling tinggi,⁴⁸ kerana iman dalam Islam adalah berasaskan cinta kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. Untuk menghuni syurga ia bergantung kepada iman, sedangkan iman pula bergantung pada ‘kadar’ keteguhan

⁴⁶ Akhmad Muhammi Azzet (2011), *Kahwin Sekarang Siapa Takut!*, Cet. 1, Seri Kembangan: PS Potensi Enterprise, Hlm. 18.

⁴⁷ Muslim bin al-Hajjāj Abū al-Hasan al-Qusyayrī al-Naysābūrī (t.t), *Op. Cit.*, Juz. 1, Hlm. 66.

⁴⁸ `Aidh `Abd Allah al-Qarnī (2008), *Indahnya Cinta* (terj.), Cet. 1, Kuala Lumpur : al-Hidayah Publication, Hlm. 43.

dan ketulusan cinta. Orang yang mencintai kerana Allah s.w.t., membenci kerana-Nya, petanda peringkat imannya telah sempurna. Kerana wajah iman yang sebenar adalah beralaskan cinta yang teguh dan jernih kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w.⁴⁹

Firman Allah s.w.t.:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا تُحِبُّهُمْ كَحْبِ اللَّهِ وَالَّذِينَ
إِيمَانُهُمْ أَشَدُ حُبًّا لِلَّهِ

Maksudnya : (*Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah.*

(al-Baqarah (2): 165)

Begitu juga cinta kepada Rasulullah s.a.w. yang merupakan penyebab datangnya kebaikan di dunia dan akhirat dan tercapainya lazat keimanan. Maka mencintai Rasulullah s.a.w. juga merupakan kewajipan bagi setiap Muslim.⁵⁰

Sabda Rasulullah s.a.w.:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بِهِنَّ حَلَاوةَ الإِيمَانِ، أَنْ يَكُنَّ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِمَّا
سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّهٌ، وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ
أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

⁴⁹ Misbah Em Majidy (2011), *Bercinta Kerana Allah*, Cet. 1, Sg. Buloh: Kemilau Publika Sdn Bhd., Hlm. XI.

⁵⁰ *Ibid.*

Maksudnya: *Tiga perkara yang apabila ada pada diri seseorang, ia akan dapat manisnya iman : Allah dan Rasul-Nya lebih dicintainya dari selain keduanya. Dan sesiapa yang bila mencintai seseorang, dia tidak mencintai orang itu kecuali kerana Allah. Dan sesiapa yang benci kembali kepada kekufuran seperti dia benci bila dilempar ke neraka.*

(Riwayat Abū Dāwūd)⁵¹

Walau bagaimanapun Islam tidak melarang kita mencintai sesama manusia, selagi mana cinta itu tidak melupakan kita kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا يَجِدُ أَحَدٌ حَلَوَةً إِلَيْهِ مِنْ أَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ، وَهُنَّ أَنْ يُقْدَفَ فِي النَّارِ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ أَنْ يَرْجِعَ إِلَى الْكُفُرِ بَعْدَ إِذْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ، وَهُنَّ يَكُونُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا

Maksudnya: *Tidak akan mendapatkan manisnya iman sehingga ia mencintai seseorang dan tidak ia mencintainya kecuali kerana Allah, dan dia lebih suka dimasukkan ke dalam api daripada kembali kepada kekufuran setelah Allah menyelamatkannya, dan sehingga Allah dan rasul Nya lebih ia cintai daripada yang lain.*

(Riwayat al-Bukhārī)⁵²

Malah kita juga dituntut agar mencintai sesama Muslim iaitu cinta dan kasih sayang terhadap saudaranya sama seperti cintanya kepada dirinya sendiri. Cinta ini dihubungkan dengan iman dan cinta dimaksudkan ialah yang didasarkan kepada agama bukan kepada perikemanusiaan semata-mata.⁵³ Ini yang ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

⁵¹ Abū Dāwūd Sulaymān bin Dāwūd bin al-Jārūd al-Tayālīsī al-Basrī (1999), *Musnad Abū Dāwūd al-Tayālīsī*, Diedit oleh Dr. Muḥammad bin `Abd al-Muhsin al-Turkī, Mesir : Dār Hijr, Juz. 3, Hlm. 465.

⁵² *Ibid.*, Juz. 8, Hlm. 14.

⁵³ Muṣṭafā `Abd al-Rahmān (2001), *Hadith 40* (terj.), Cet. 5, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, Hlm. 193.

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لَا خِيَهُ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya : *Tidaklah beriman seseorang dari kalian sehingga dia mencintai untuk saudaranya sebagaimana dia mencintai untuk dirinya sendiri.*

(Riwayat al-Bukhārī) ⁵⁴

Oleh kerana cinta dan lagu adalah halal, maka tidak salah atau haram ke atas mana-mana lirik lagu yang mengandungi unsur-unsur percintaan selagi mana tidak bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Sebagai contoh ia perlu terhindar dari perkara seperti boleh menaikkan keghairahan atau nafsu, mengoda dan melalaikan.⁵⁵

Firman Allah s.w.t.:

يَنِسَاءَ الَّذِي لَسْتُنَ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ إِنْ أَتَقِيتُنَ فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ
فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Maksudnya: *Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertakwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu) dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).*

(al-Ahzaab (33): 32)

Selain itu ia juga perlu bersih dari lirik-lirik yang melampau memuja-muja manusia sehingga boleh merosakkan iman seseorang, kerana sebagai seorang Muslim yang

⁵⁴ Muḥammad bin Ismā`il Abū `Abd Allah al-Bukhārī al-Ja'fī (t.t.), *Op. Cit.*, Juz. 1, Hlm. 12.

⁵⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2006) “Menyanyi dan Muzik : Sudut Pandangan Islam”, Dalam al-Muqari Othman Hamzah (Eds.), *Fatwa Menempuh Kehidupan Moden*, Petaling Jaya: Gading Kreatif, Hlm. 354.

benar-benar beriman, cinta yang utama adalah cinta kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w.

Sabda Rasulullah s.a.w.

لَا يَجِدُ أَحَدٌ حَلَوةً إِلِيمَانٍ حَتَّىٰ يُحِبَّ الْمَرءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ، وَحَتَّىٰ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ أَنْ يَرْجِعَ إِلَى الْكُفُرِ بَعْدَ إِذْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ، وَحَتَّىٰ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا

Maksudnya: *Tidak akan mendapatkan manisnya iman sehingga ia mencintai seseorang dan tidak ia mencintai nya kecuali kerana Allah, dan dia lebih suka dimasukkan ke dalam api daripada kembali kepada kekufuran setelah Allah menyelamatkannya, dan sehingga Allah dan rasul Nya lebih ia cintai daripada yang lain.*

(Riwayat al-Bukhārī)⁵⁶

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بِهِنَّ حَلَوةً إِلِيمَانٍ: مَنْ كَانَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ، وَأَنْ يَكُرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفُرِ بَعْدَ أَنْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ، كَمَا يَكُرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

Maksudnya: *Tiga perkara yang apabila ada pada diri seseorang, ia akan dapat manisnya iman : Allah dan Rasul Nya lebih dicintainya dari selain keduanya. Dan sesiapa yang bila mencintai seseorang, dia tidak mencintai orang itu kecuali kerana Allah. Dan sesiapa yang benci kembali kepada kekufuran seperti dia benci bila dilempar ke neraka.*

(Riwayat al-Bukhārī)⁵⁷

Kesimpulannya lirik lagu ini halal dan boleh didengar dan dinyanyikan, selagi mana tidak terdapat perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam. Bersesuaian dengan kaedah *fiqh* :

الاصل في الاشياء الاباحة

Maksudnya : *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah.*

⁵⁶ Muḥammad bin Ismā`īl Abū `Abd Allah al-Bukhārī al-Ja'fī (t.t.), *Op. Cit.*, Juz. 8, Hlm. 14.

⁵⁷ Abū Dāwūd Sulaymān bin Dāwūd bin al-Jārūd al-Tayālīsī al-Basrī (1999), *Op. Cit.*, Juz. 3, Hlm. 465.

Walau bagaimanapun jika terdapat unsur haram maka ia menjadi dalil kepada pengharaman tersebut. Hal ini kerana setiap yang halal tidak boleh bercampur dengan yang haram, jika bercampur dengan halal dan haram maka haram akan menguasai halal.

Selain dari lirik lagu *Ketika Cinta Bertasbih* terdapat lirik lain yang menyamai kaedah yang sama, lirik lagu tersebut adalah seperti berikut:

Langkah pertama ku berkaca diri
Apa aku layak untuk engkau
Langkah kedua ku berdoa
Semoga kau juga mahu kepada ku

Langkah ketiga ku mencuba beranikan
Diri mendekati engkau
Langkah terakhir ku berserah diri
Pada Dia Maha Menentukan
Ya habibi
Oh my darling
Shary amor
Aku sayang kamu
Aishiteru
Wo ai ani
Ya habibi

Lirik lagu ini bertajuk *Ya Habibi*, ia dinyanyikan oleh penyanyi Indonesia iaitu Melly Goeslow. Lirik lagu ini mengisahkan luahan cinta terhadap seseorang dan langkah yang dihadapi bagi menyatakan cintanya seperti muhasabah diri dengan melihat sejauh mana dirinya sesuai dengan insan yang dicintai, berdoa agar insan yang dicintai itu turut mahu kepadanya, cuba mendekati insan yang dicintai dan yang terakhir menyerah diri kepada Allah s.w.t. dalam menentu dan menunaikan harapan tersebut.

Seperti yang dibincangkan sebelum ini lirik-lirik berkaitan cinta tidak ada masalah selagi mana tidak melampau memuji seseorang. Maka di sini kajian ini melihat lirik ini tidak terdapat sebarang masalah dari segi persoalan akidah, syariah maupun akhlak. Malah boleh dijadikan contoh motivasi dalam mencapai cita-cita, kerana ikhtiar dan doa perlu seiring.

Sabda Rasulullah s.a.w:

قَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَعْقِلُهَا وَأَتَوَكَّلُ، أَوْ أُطْلِقُهَا وَأَتَوَكَّلُ؟ قَالَ: اعْقِلُهَا وَتَوَكَّلْ

Maksudnya : *Ada seorang lelaki bertanya: "Wahai Rasulullah apakah aku harus mengikat untaku kemudian bertawakal atau aku melepaskannya saja kemudian bertawakal? Sabda Rasulullah : "Ikatlah untamu kemudian bertawakallah."*

(Riwayat Tirmidhī)⁵⁸

Doa bukan amalan orang yang lemah, putus asa atau tidak mempunyai harapan setelah banyak ikhtiar dilakukan tetapi gagal. Doa ialah senjata orang yang beriman ketika ditimpa musibah dan berada dalam penderitaan serta dalam kesengsaraan.⁵⁹

Sebagai umat Islam kita digalakkan agar sentiasa berdoa kepada Allah s.w.t. Sesungguhnya Allah s.w.t. Maha Berkuasa lagi Maha Berkehendak, maka kehendak Allah s.w.t. lebih mengatasi kehendak manusia. Sebagai manusia yang tiada kuasa dan lemah maka kita perlu memohon kepada Allah s.w.t. agar memenuhi sebarang hajat.⁶⁰

⁵⁸ Muḥammad bin 'Isā bin Sawrah bin Mūsā bin al-Dahhak al-Tirmidhī Abū 'Isā (1998), *Op. Cit.*, Juz. 4, Hlm. 249.

⁵⁹ Manshur Abdul Hakim (t.t.), *Doa Yang Dikabulkan Allah*, Kuala Lumpur: Synergy Media, Hlm. 9.

⁶⁰ Muhammad Ali Imran (1995), *Tawakkal: Hakikat Penyerahan Diri Seseorang Hamba Terhadap al-Khaliq Azza Wajalla*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn Bhd., Hlm. 96.

Firman Allah s.w.t.:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَحِبْ لَكُمْ

Maksudnya : *Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada Ku nescaya Aku perkenan doa permohonan kamu.*

(*al-Mukmin* (40): 60)

فَإِذَا عَرَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya: *Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada Nya.*

(*Ali Imran* (3): 159)

Kesimpulannya lirik ini tidak terdapat sebarang unsur haram. Maka oleh itu lirik ini halal didengar dan dinyanyikan, kerana setiap sesuatu perkara itu halal selagi mana tidak bercampur dengan yang haram. Bersesuaian dengan kaedah *fiqh* :

الاصل في الاشياء الاباحية

Maksudnya : *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah.*

Seterusnya selain dari lirik lagu *Ketika Cinta Bertasbih* dan *Ya Habibi*, terdapat lirik lain yang menyamai kaedah yang sama, lirik tersebut seperti berikut:

Sejak lama aku berdiri
Dalam sepinya rongga hati
Tak satu pun guru mampu menjawab

Hanya pada Mu ku bertanya
Lewat setiap sujud ku ini
Siapakah nanti cinta untuk ku

Wahai penilai hati lihat batinku
Nyaris bernanah kerana luka tersayat
Merana menantikan kisah dan kasih hidup ku

Rahsia itu hanya Kau yang tahu
Namun aku tak mahu jadi tuna cinta
Tuntun hatiku dalam sabar menanti jodohku
Hanya pada Mu ku bertanya
Lewat setiap sujud ku ini
Siapakah nanti cinta untuk ku

Wahai penilai hati lihat batinku
Nyaris bernanah kerana luka tersayat
Merana menantikan cinta dan kasih hidup ku
Rahsia itu hanya Kau yang tahu
Namun aku tak mahu jadi tuna cinta
Tuntun hatiku dalam sabar menanti jodohku
Rahsia itu hanya Kau yang tahu
Namun aku tak mahu jadi tuna cinta
Namun harus ku ikhlaskan semua nasib cintaku...
Pada Mu... hu...

Lirik lagu ini bertajuk *Menanti Cinta*, lagu ini dinyanyikan oleh penyanyi Indonesia iaitu Kris Dayanti. Lirik ini mengisahkan luahan perasaan terhadap Allah s.w.t., dari seorang yang sunyi, sepi dan bersabar menanti cinta dari seseorang. Mengharap agar Allah s.w.t. mengurniakan seseorang yang dapat mencintai dan dicintainya. Inilah yang dikatakan fitrah dalam diri setiap manusia yang memerlukan pasangan bagi melengkapkan keperluan masing-masing. Oleh kerana itu Allah s.w.t. telah menjadikan setiap makhluk sama ada manusia, haiwan maupun tumbuh-tumbuhan hidup berpasang-pasangan.

Firman Allah s.w.t.:

وَمِن كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٩﴾

Maksudnya : *Dan segala sesuatu Kami ciptakan berpasang-pasangan supaya kamu mengingat akan kebesaran Allah.*

(al-Zaariyat (51): 49)

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
 بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya : *Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, Bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.*

(al-Rum (30): 21)

Maka oleh itu tidak salah seseorang mengharapkan cinta dan berdoa agar Allah s.w.t. agar dikurniakan cinta selagi mana cinta tersebut tidak menghalang kita mencintai Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا يَجِدُ أَحَدٌ حَلَوةً إِلَيْهِنَّ حَتَّى يُحِبَّ الْمَرءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ، وَحَتَّى أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ أَنْ يَرْجِعَ إِلَى الْكُفُرِ بَعْدَ إِذْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ، وَحَتَّى يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا

Maksudnya: *Tidak akan mendapatkan manisnya iman sehingga ia mencintai seseorang dan tidak ia mencintai nya kecuali kerana Allah, dan dia lebih suka dimasukkan ke dalam api daripada kembali kepada kekufuran setelah Allah menyelamatkannya, dan sehingga Allah dan rasul Nya lebih ia cintai daripada yang lain.*

(Riwayat al-Bukhārī)⁶¹

Kesimpulannya kajian ini melihat lirik ini juga bersih dari unsur-unsur haram. Maka ia boleh didengar dan dinyanyikan, asal ia terus berada dalam keadaan yang halal atau tidak bercampur dengan unsur-unsur haram. Bersesuaian dengan kaedah *fīqh* :

⁶¹ Muhammad bin Ismā`īl Abū `Abd Allah al-Bukhārī al-Ja'fī (t.t.), *Op. Cit.*, Juz. 8, Hlm. 14.

الاصل في الاشياء الاباحية

Maksudnya : *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah.*

Selain dari ketiga-tiga lirik di atas, lirik lagu di bawah ini juga menyamai kaedah yang sama. Huraian lirik lagu ini seperti berikut:

Walau aku senyum bukan bererti
Aku selalu bahagia dalam hari
Ada yang tak ada di hati ini
Di jiwa ini hampa

Ku bertemu sang Adam di simpang hidup ku
Mungkin akan ada cerita cinta
Namun ada saja cubaan hidup
Seakan aku hina
Tuhan berikanlah aku cinta
Untuk temani ku dalam sepi
Tangkap aku dalam terang Mu
Biarkanlah aku punya cinta

Tuhan berikanlah aku cinta
Aku juga berhak bahagia
Berikan restu dan halal Mu
Tuhan beri aku cinta

Ku bertemu sang Adam di simpang hidup ku
Mungkin akan ada cerita cinta
Namun ada saja cubaan hidup
Seakan aku hina

Tuhan berikanlah aku cinta
Untuk temani ku dalam sepi
Tangkap aku dalam terang Mu
Biarkanlah aku punya cinta

Tuhan berikanlah aku cinta
Aku juga berhak bahagia
Berikan restu dan halal Mu
Tuhan beri aku cinta

Lirik lagu bertajuk *Tuhan Berikan Aku Cinta*, ia dinyanyikan oleh penyanyi Indonesia iaitu Ayushita. Lirik ini lebih berbentuk doa kepada Allah s.w.t. agar Allah s.w.t. mengurniakan cinta. Seperti mana yang telah dijelaskan cinta itu halal dan mengharapkan cinta itu juga halal, maka berdoa kepada Allah s.w.t. agar dikurniakan cinta juga hukumnya adalah halal.

Sebagai seorang Muslim bukan hanya berharap kehadiran cinta dan mencari cinta, tetapi kita juga diminta agar berdoa kepada Allah s.w.t. agar diperoleh cinta yang diredayai oleh Allah s.w.t., kerana Allah s.w.t. adalah sebaik-sebaik perancang.

Firman Allah s.w.t.:



Maksudnya: *Sesungguhnya Allah sebaik-baik perancang.*
(Ali-Imran (3): 54)

Secara tidak langsung ia juga mampu mengingatkan diri agar jangan lupa bahawa manusia adalah bersifat lemah dan mempunyai kekurangan yang memerlukan bantuan serta pertolongan daripada yang lain. Pada masa yang sama manusia mempunyai pelbagai keinginan dan hajat yang ingin dicapai, kita perlu terus berusaha bagi memperoleh hajat tersebut. Sebagai umat Islam kita wajib percaya ada kuasa yang mampu memenuhi segala hajat iaitu Allah s.w.t. Oleh kerana itu kita diajar agar sentiasa berdoa kepada Allah s.w.t. bagi memohon sebarang hajat dan pertunjuk daripada-Nya.⁶²

⁶² Muhammad Ali Imran (1995), *Op. Cit.*

Firman Allah s.w.t.:

إِذْ هَمَّتْ طَآئِفَةٍ مِنْكُمْ أَنْ تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيُّهُمَا وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلِ

الْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya: *Dan (jika sudah demikian) kepada Allah sahajalah hendaknya orang yang beriman itu bertawakal.*

(Ali Imran (3): 122)

وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ

بَلْغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

Maksudnya: *Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki Nya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.*

(al-Talaaq (65): 3)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعْلَمُنَا الْاسْتِخَارَةَ فِي الْأُمُورِ كُلُّهَا، كَمَا يُعْلَمُنَا السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ، يَقُولُ: إِذَا هَمَّ أَحَدُكُمْ بِالْأَمْرِ، فَلْيَرْكِعْ رَكْعَتَيْنِ مِنْ غَيْرِ الْفَرِيضَةِ، ثُمَّ لِيَقُلْ.

Maksudnya : *Rasulullah s.a.w. mengajar kami beristikharah dalam semua perkara seperti mengajar kami surah daripada Quran, sabda Rasulullah s.a.w. : Apabila seseorang kamu melakukan perkara yang tidak jelas dia hendaklah solat dua rakaat yang bukan fardu, kemudian berdoa.*

(Riwayat al-Bukhārī)⁶³

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِرُكَ بِعِلْمِكَ وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ فَإِنَّكَ تَقْدِيرُ وَلَا أَقْدِيرُ، وَتَعْلَمُ وَلَا أَعْلَمُ، وَأَنْتَ عَلَامُ الْغُيُوبِ، اللَّهُمَّ فِإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ هَذَا الْأَمْرَ ثُمَّ تُسَمِّيَ بِعَيْنِهِ خَيْرًا لِي فِي عَاجِلِ أَمْرِي وَآجِلِهِ قَالَ: أُوْ فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي فَاقْدِرُهُ لِي وَيَسِّرْهُ لِي، ثُمَّ بَارِكْ لِي فِيهِ، اللَّهُمَّ وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنِّي شَرُّ لِي فِي

⁶³ Muhammad bin Ismā`il Abū `Abd Allah al-Bukhārī al-Ja'fī (t.t.), Op. Cit., Juz. 2, Hlm. 57.

دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي أَوْ قَالَ: فِي عَاجِلٍ أَمْرِي وَآجِلِهِ فَاصْرِفْنِي عَنْهُ، وَأَقْدِرْ
لِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ رَضِّنِي بِهِ.

Maksudnya : *Ya Allah, sesungguhnya aku memohon petunjuk kepada Mu dengan ilmu Mu, memohon ketetapan dengan kekuasaan Mu, dan aku memohon kurniaan Mu yang sangat agung kerana sesungguhnya Engkau berkuasa sedang aku tidak berkuasa sama sekali, Engkau mengetahui sedangkan aku tidak, dan Engkau yang mengetahui hal yang ghaib. Ya Allah, jika Engkau mengetahui bahawa urusan ini (lalu menyebutkan secara langsung urusan yang dimaksudkan) lebih baik bagi diri ku dalam agama, kehidupan dan akhir urusanku atau mengucapkan: baik dalam waktu yang dekat mahupun yang akan datang maka tetapkanlah ia bagi ku dan mudahkanlah ia untuk ku. Kemudian, berikan berkat kepada ku dalam menjalankannya. Jika Engkau mengetahui bahawa urusan ini buruk bagi ku dalam agama, kehidupan dan akhir urusanku atau mengucapkan: baik dalam waktu yang dekat mahupun yang akan datang maka jauhkanlah urusan itu dari ku dan jauhkanlah aku darinya, serta tetapkanlah yang baik itu bagi ku di mana pun kebaikan itu berada. Kemudian,jadikanlah aku orang yang reda dengan ketetapan tersebut.*⁶⁴

(Riwayat al-Bukhārī)⁶⁴

Kesimpulannya penulis tidak melihat sebarang masalah dalam lirik lagu ini, maka jelaslah hukumnya adalah harus, ia boleh didengar dan dinyanyikan dengan syarat ia terus berada dalam keadaan halal dan tidak bercampur dengan perkara syubhah mahupun yang haram. Bersesuaian dengan kaedah *fiqh* :

الاصل في الاشياء الاباحية

Maksudnya : *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah.*

4.2.3 LOKASI FILEM

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini lokasi adalah set penggambaran kejadian bagi semua babak di dalam sesebuah filem. Set merupakan satu lokasi yang mungkin dibentuk atau diubahsuai semula atau merupakan lokasi yang sebenar.⁶⁵

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ *Ibid.*, Hlm. 7.

Satu set yang baik diukur melalui kesesuaian kepada jalan cerita dan diadunkan dengan sempurna kepada masa dan tempat cerita itu berlaku.⁶⁶

Sebagai filem Islam perkara penting yang perlu diambil perhatian adalah terhindar daripada unsur-unsur haram. Dalam pemilihan lokasi perlu diambil perhatian agar ia juga terhindar dari perkara-perkara yang bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Maka di sini, penulis datangkan beberapa lokasi dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* untuk melihat sejauh mana filem ini menepati kaedah-kaedah asas halal dan haram.

i. Apa Saja yang Membawa Kepada Haram adalah Haram

Islam menutup pintu-pintu yang boleh membawa kepada perkara haram itu.⁶⁷ Sebagai contoh apabila Islam mengharamkan zina, maka diharamkan juga segala mukadimah zina dan perkara-perkara yang boleh membawa ke arah itu. Seperti mempamerkan perhiasan (*tabarruj jahiliah*), berkhawat atau berdua-duaan yang diharamkan, bercampur gaul dengan bebas, gambar lucu atau porno, tidak berakhlek, nyanyian tidak bermoral dan lain-lain lagi.⁶⁸ Dari sinilah para fukaha telah menetapkan satu kaedah: “*Perkara-perkara yang boleh membawa kepada haram adalah haram.*”⁶⁹

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ *Ibid.*

Lokasi dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang menyamai kaedah ini adalah seperti berikut:



Gambar Rajah 4.5

Babak ini mengisahkan perbualan antara Azzam dan Pak Ali (pemandu Eliana), lokasi lakonan dilakukan di Qait Bay, Iskandariah. Pemilihan lokasi ini menarik dan berlatar belakangkan ketamadunan Islam. Secara tidak langsung ia dapat memberi input maklumat berkaitan keagungan Islam. Namun walaupun lokasi yang menarik tetapi tanpa pengawalan ia boleh mendatangkan kesan buruk. Tanpa pengawalan ia mungkin boleh mendatangkan bahaya, merosakkan akhlak dan di samping mendorong kepada aktiviti sosial yang penuh tipu daya.⁷⁰

⁷⁰ Abdullah Yusof (2000), *Op. Cit.*, Hlm. 37.

Seperti dalam gambar rajah 4.5 jika diperhatikan ruang lokasinya terdapat sedikit latar belakang yang agak kurang menarik, kerana kelihatan beberapa pelancong sedang mengambil foto dengan gaya lucu dan aneh. Mungkin nampak seperti tidak ada kecacatan atau kecacatan kecil tetapi ia perlu diambil serius. Adegan itu dilakukan oleh dua orang wanita yang tidak menutup aurat. Tayangan ini boleh mengaibkan wanita berkenaan malah mungkin boleh mencacatkan sebuah filem Islam. Walaupun ia tidak melibatkan kesalahan syariah mahupun akidah tetapi ia menyentuh dalam aspek akhlak.

Filem Islam bukan sahaja mampu mendatangkan kebaikan kepada penonton malah ia juga perlu menjaga kemaslahatan mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam pembikinan filem. Sebarang unsur yang boleh mengaibkan sesiapa perlu dihindari sama ada dengan sengaja mahupun tidak.

Firman Allah s.w.t.:

إِنَّ الَّذِينَ تُحِبُّونَ أَنْ تَشْيِعَ الْفَحْشَةَ فِي الَّذِينَ إِمَانُوا هُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang menyenangi tersebarnya perbuatan keji di kalangan orang-orang beriman, mereka memperoleh azab yang pedih di dunia dan di akhirat.

(al-Nuur (24): 19)

Bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، مَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ، وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً، فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ بِهَا كُرْبَةً مِنْ كُرْبَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَرَّ مُسْلِمًا سَرَّهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya : *Seorang Muslim dengan Muslim yang lain adalah bersaudara. Ia tidak boleh membuat zalim dan aninya kepada saudaranya yang Muslim. Barang sesiapa yang membantu keperluan saudaranya, maka Allah akan memenuhi keperluannya. Barang sesiapa yang membebaskan seorang Muslim dari suatu kesulitan, maka Allah akan membebaskannya dari kesulitan pada hari kiamat. Dan barang siapa yang menutup aib seorang Muslim, maka Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat kelak.*

(Riwayat Muslim)⁷¹

Kesimpulannya lokasi dalam babak ini perlu mengambil perhatian terhadap unsur-unsur yang terdapat dalam ruang skrin, kerana setiap yang terdapat atau ditayangkan dalam ruang skrin akan dipertontonkan oleh masyarakat. Setiap masyarakat terdiri daripada beberapa peringkat usia. Sebuah filem itu perlu bersesuaian dengan kesopanan Islam, kerana filem bukan sahaja dilihat dan dijadikan alat hiburan malah ia mampu menjadi media pendidikan yang dapat merangsang pembelajaran remaja. Jika terdapat unsur haram dalam lokasi tersebut ia membawa kepada hukum haram.

i. Menjauhi Diri Dari Syubhah Kerana Takut Terlibat Dalam Haram

Terdapat suatu persoalan yang tidak begitu jelas antara halal yang nyata dan haram yang nyata. Hal ini dikenali sebagai syubhah yang mungkin dihadapi oleh sebahagian manusia yang berada dalam keadaan samar antara halal dan haram. Ada kala kesamaran ini disebabkan oleh dalil-dalilnya yang tidak jelas. Dan ada kala tidak jelas dalam penerapan nas (*tathbiq nash*) atas masalah berkenaan.⁷²

Lokasi dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang mempunyai unsur syubhah adalah seperti berikut:

⁷¹ Muslim bin al-Hajjāj Abū al-Hasan al-Qusyayrī al-Naysābūrī (t.t), *Op. Cit.*, Juz. 4, Hlm. 1996.

⁷² Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 35.



Gambar Rajah 4.7

Lokasi seterusnya adalah dalam bilik tidur. Lokasi ini biasanya dilakonkan bagi menggambarkan hubungan antara pasangan suami dan isteri. Walau bagaimanapun satu analisis perlu dilakukan bagi melihat sejauh mana lokasi ini bersesuaian dengan jalan penceritaan yang disampaikan. Tidak semua pengarah filem memahami batas-batas pergaulan antara lelaki dan wanita. Jika salah lakonkan babak ini boleh membawa kepada haram.

Tidak kecuali juga dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih*, terdapat juga babak yang dilakonkan di dalam bilik. Pembikinan ceritanya untuk menggambarkan hubungan intim antara suami dan isteri. Dalam filem ini terdapat dua babak yang dilakonkan di

atas katil, iaitu antara Anna dan Furqan (suami pertama) serta babak antara Anna dan Azzam (suami kedua).

Dalam gambar rajah 4.7 dari *duration* 0:01:54.66 sehingga *duration* 0:01:54.66 menggambarkan Anna dan Furqan telah lengkap berpakaian solat, kemudian Furqan menghampiri Anna dan Anna telah mengajak Furqan untuk solat berjemaah terlebih dahulu. Kemudian dari *duration* 0:01:54.66 sehingga *duration* 0:01:54.66 menggambarkan situasi Anna dan Furqan di atas katil dengan keadaan Anna sedang baring di atas katil dan sedang di perhati oleh Furqan yang sedang duduk di sebelahnya. Tetapi babak mesra ini terhenti kerana Furqan telah berlari ke dalam bilik air dalam keadaan yang merunsingkan apabila Furqan tiba-tiba teringat masalah HIV yang sedang dihadapinya. Manakala dari *duration* 0:25:03.42 sehingga *duration* 0:25:03.42 pula gambar rajah kemesraan antara Anna dan Furqan, mereka sedang bergurau senda sambil mengimbau kenangan detik mula-mula mereka berkenalan.

Jika diperhatikan babak kemesraan ini tidak berlaku sebarang persentuhan besar antara suami dan isteri, namun masih terdapat persentuhan kecil antara Anna dan Furqan. Furqan telah memegang telekung sembahyang Anna. Melihat persentuhan ini tidak begitu mencurigakan namun sebagai filem dakwah kita bukan sahaja memberi dakwah kepada penonton malah kita juga memberi ilmu baru kepada penggiat filem lain untuk diikuti agar bersama-sama dapat melahirkan filem Islam. Tetapi tidak semua penggiat filem dapat memahami pengajaran yang disampaikan. Kita takut mereka boleh menyalah ertikan pengajaran yang ingin disampaikan, sebagai contoh mungkin mereka beranggapan boleh persentuhan antara lelaki dan

wanita asalkan berlapik ataupun tidak salah berpegang-pegangan atau berpelukan asalkan ia berlapik.

Sedangkan tegas Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

لَمْ يُطْعَنْ فِي رَأْسِ أَحَدٍ كُمْ بِمُخْيَطٍ مِّنْ حَدِيدٍ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَمْسَسْ امْرَأَةً لَا تَحِلُّ لَهُ

Maksudnya: "Jikalau salah seorang dari kamu kepalanya ditusuk dengan jarum dari besi, itu lebih baik baginya daripada menyentuh perempuan yang tidak halal baginya."

(Riwayat Bayhaqī dan Ṭabrānī)⁷³

Bagi penulis babak dalam bilik ini ada yang harus dan boleh dijadikan contoh, namun masih ada slot-slot yang mungkin boleh ditapis dan digantikan dengan kreativiti yang lain kerana bagi mengelakkan unsur syubhah. Hal ini kerana bersesuaian dengan kaedah *fiqh*:

اتقاء الشبهات خشية الوقوع في الحرام

Maksudnya : *Menjauhi diri dari syubhah kerana takut terlibat dalam haram.*

Kesimpulannya lokasi babak ini perlu lebih berhati-hati kerana ia bukan sahaja menjadi contoh kepada penonton malah mungkin menjadi ikutan kepada penggiat filem yang lain. Dakwah yang disampaikan perlu lebih jelas agar tidak berlaku salah faham atau fitnah yang lebih buruk. Jika tidak dapat memberi penjelasan yang lebih jelas maka lebih baik ia dijauhi atau digantikan dengan input yang lain tetapi masih boleh memberi pengajaran kepada semua.

⁷³ Sulaymān bin Aḥmad bin Ayūb bin Muṭairī al-Lukhmī al-Syāmī, Abū al-Qāsim al-Ṭabrānī (1983), *Op. Cit.*

ii. Niat Yang Baik Tidak Menghalalkan Yang Haram

Islam menghargai apa sahaja yang dapat mendorong untuk berbuat baik, niat yang baik dan mulia di dalam semua pensyariatan dan penghalalannya. Dengan niat yang baik, perkara yang harus dan adat dapat diangkat menjadi ketaatan dan ibadah kepada Allah.⁷⁴ Manakala perkara yang diharamkan, ia akan tetap dihukum sebagai haram sekalipun orang yang melakukannya berniat baik atau bertujuan mulia.⁷⁵ Islam selama-lamanya tidak menerima perbuatan yang haram itu sebagai jambatan untuk mencapai matlamat yang terpuji, kerana syariat Islam tidak mengakui sama sekali prinsip “*matlamat menghalalkan cara*”.⁷⁶

Lokasi dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang menyamai kaedah ini adalah seperti berikut:

			
Duration 0:01:06.27 Time 0:00:20.88	Duration 0:01:06.27 Time 0:00:25.35	Duration 0:01:06.27 Time 0:00:97.27	Duration 0:00:13.85 Time 0:00:08.07

⁷⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ *Ibid.*



<i>Duration 0:00:13.85 Time 0:00:11.11</i>	<i>Duration 0:00:13.85 Time 0:00:13.81</i>	<i>Duration 0:01:25.84 Time 0:00:16.58</i>	<i>Duration 0:01:25.84 Time 0:00:23.88</i>
--	--	--	--

Gambar Rajah 4.6

Gambar rajah di atas merupakan babak perbualan antara Azzam dan Eliana. Azzam sedang menerangkan kepada Eliana tentang kesucian hubungan antara lelaki dan wanita. Lokasi ini dilakukan di dalam bas dan mereka duduk di kerusi bersebelahan. Dialog dalam babak ini amat menarik, kerana ada ilmu baru yang mungkin boleh penonton peroleh daripadanya.

Walaupun terdapat unsur dakwah dalam dialog, namun melihat kedudukan antara Azzam dan Elina dalam babak ini amat mengecewakan. Hal ini kerana kedudukan antara Azzam dan Elina mungkin boleh mengundang fitnah kepada filem Islam dan juga dakwah yang ingin disampaikan. Sepatutnya pengarah filem mencari lokasi lain bagi menyampaikan dakwah ini. Adakah pengarah filem sudah kehabisan lokasi sehingga terpaksa memilih kedudukan seperti ini? Sedangkan dialog yang disampaikan berkaitan dengan kesucian hubungan antara lelaki dan wanita. Maka terdapat dua perkara yang bertentangan dalam babak ini. Dialog tentang batas kedudukan lelaki dan wanita tetapi praktikal dalam babak ini gagal.

Daripada pemerhatian penulis, masalah ini banyak berlaku di kalangan pemuda pemudi masa kini. Mereka tidak berasa malu dan bersalah berkongsi satu kenderaan dan duduk bersebelahan antara lelaki dan wanita. Ini boleh mengundang bahaya kepada keselamatan wanita. Sedangkan salah satu *maqāṣid al-syarī`ah* adalah menjaga maruah.⁷⁷

Bersetujuan dengan firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَقْرُبُوا الْزِنَّ إِنَّهُ كَانَ فِي حِشَةٍ وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Maksudnya : *Dan janganlah kamu menghampiri zina. Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*

(*al-Israa'* (17): 32)

Semua ini mungkin berpunca dari niat dakwah yang ingin disampaikan. Seperti mana yang diterangkan sebelum ini, filem *Ketika Cinta Bertasbih* dilahirkan adalah niat untuk berdakwah. Walau bagaimanapun adakah boleh dengan niat maka perkara-perkara yang bertentangan boleh dilakukan atau dibenarkan? Jawapan sebenarnya telah jelas, iaitu setiap niat baik tidak dapat menghalalkan perkara-perkara haram.

Hal ini bersesuaian dengan kaedah *fīqh*:

النية الحسنة لا تبرر الحرام

Maksudnya : *Niat yang baik tidak menghalalkan yang haram.*

Kesimpulannya filem ini yang membawa mesej dakwah perlu berhati-hati dalam semua keadaan, agar tidak ada sebarang unsur haram mahupun perkara syubhah.

⁷⁷ Aba Yazid (2004), “Implementasi Teori *Maqāṣid al-Syarī`ah* Terhadap Konsep Nikah dan Hak-Hak Wanita”, (Tesis Ijazah Sarjana, Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Hlm. 131.

Lokasi yang dipilih turut diberi perhatian kerana ia juga mampu menyumbang dalam proses dakwah malah boleh memberi kesan terhadap dakwah tersebut. Walaupun berniat baik ia tetap tidak membenarkan ada sebarang unsur haram dalam filem mahupun perkara-perkara lain. Hal ini kerana perkara halal tidak boleh bercampur dengan perkara haram.

2.4.3 CARA PENYAMPAIAN WATAK

Seperti mana yang telah diterangkan dalam bab dua, watak merupakan antara asas dalam sesebuah lakon layar, ini kerana ia merupakan nadi dalam sesebuah penceritaan.⁷⁸ Watak boleh didefinisikan sebagai suatu *representasi* seseorang individu mempamerkan suatu perlakuan bagi mewujudkan babak dramatik. Melalui perwatakan watak, penonton boleh mengalami tekanan emosi dan melalui watak perasaan penonton boleh tersentuh seperti merasa sedih, marah, benci dan gembira.⁷⁹

Dalam melahirkan watak dan perwatakan dalam penceritaan sesebuah filem peranan artis lelaki dan wanita amat diperlukan. Ia bertujuan bagi melakonkan beberapa watak seperti datuk, nenek, ibu, bapa, adik, kakak, abang atau selainnya. Maka secara tidak langsung akan ada pergaulan antara artis lelaki dan wanita. Jika lakonan ini dilakonkan secara salah atau adanya pergaulan bebas antara artis lelaki dan wanita ia boleh menjadi haram. Oleh itu penceritaan tersebut perlu seiring dengan syarak agar ia tidak tersasar dari hukum Islam. Di bawah ini terdapat beberapa watak

⁷⁸ *Ibid.*

⁷⁹ Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002), “Kandungan dan Teknik: Unsur-unsur yang Mempengaruhi Filem Tempatan”, Dalam Ramli Mohamed (Eds.), *Sinema dan Penonton Di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, Hlm. 33.

yang boleh dihubung kaitkan dengan salah satu daripada kaedah-kaedah asas halal dan haram.

i. Asal Bagi Setiap Sesuatu Adalah Mubah

Jumhur ulama berpandangan bahawa asal setiap sesuatu adalah harus sehingga datangnya dalil atas pengharamannya.⁸⁰ Tidak ada satu yang haram melainkan jika ada nas yang sah dan jelas dari syarak yang mengharamkannya. Jika tidak ada nas yang sah misalnya kerana ada sebahagian hadis yang lemah atau tidak ada nas yang sarih (tegas atau jelas) yang menunjukkan haram, maka hal tersebut tetap sebagaimana asalnya iaitu harus.⁸¹

Perwatakan dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang menyamai kaedah ini adalah seperti berikut:



⁸⁰ Ibrāhīm Muḥammad Maḥmud al-Harīrī (1998), *Op. Cit.*

⁸¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit..*

			
Duration 0:18:35.66 Time 0:03:19.64	Duration 0:18:35.66 Time 0:03:36.85	Duration 0:18:35.66 Time 0:04:09.16	Duration 0:18:35.66 Time 0:04:14.62

Gambar Rajah 4.8

Filem merupakan garapan pelbagai seni yang memaparkan cerita dan cermin kepada budaya masyarakat tertentu dan ia juga merupakan sebuah cerita tentang kehidupan manusia mahupun bukan.⁸² Oleh itu filem banyak memainkan pelbagai penceritaan salah satunya adalah babak konflik. Bagi melakonkan watak ini sesebuah filem perlu mengelak dari sebarang kemudaratan kepada artis yang lain. Seperti mana yang disyaratkan oleh Abdullah Yusof agar pelakon tidak boleh mengganggu atau menyerang secara betul-betul kepada pelakon lain sehingga ia boleh membawa kepada kesusahan atau kemudaratan menurut Islam.⁸³

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya : “Tidak ada kemudaratan dan tidak boleh berbuat mudarat.”

(Riwayat Imam Mālik, Ibn Mājah dan Dār al-Quṭnī)⁸⁴

⁸² Naim Haji Ahmad (2010), *Op. Cit.*, Hlm. 1-2.

⁸³ Abdullah Yusof (2000), *Op. Cit.*, Hlm.

⁸⁴ Ibn Mājah Abū `Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī (t.t.), *Op. Cit.*, Hlm. 90.

Hadis ini menjelaskan bahawa setiap kemudarat atau kesusahan tidaklah disukai agama sama ada bagi diri sendiri atau orang lain. Sama ada dengan cara halus mahupun dengan cara yang kasar, kecuali kalau kemudarat itu adalah suatu kebenaran yang diizinkan agama untuk dilakukannya sebagai hukuman dan ini adalah dalam kesalahan yang tertentu seperti dalam perkara mencuri, menyamun dan sebagainya.⁸⁵

Gambar rajah 4.8 merupakan babak konflik antara Anna dan Furqan. Perwatakan Anna di sini sebagai seorang isteri yang kecewa dengan sikap suaminya yang telah merahsiakan penyakit HIV yang dihadapi oleh suaminya. Dia merasakan Furqan telah menipu diri dan keluarganya malah termasuk mereka yang hadir pada hari pernikahan mereka. Manakala perwatakan Furqan pula sebagai seorang suami yang menghadapi penyakit HIV. Dia terpaksa menerima cemuhan dari isterinya kerana kecewa dengan sikapnya yang telah menipu isterinya. Furqan terpaksa memujuk dan merayu agar Anna memaafkan dirinya. Akhirnya Furqan terpaksa reda dan mengikut keputusan Anna agar mereka bercerai. Di bawah ini terdapat dialog dari babak tersebut:

Furqan : Aku *infected* HIV

Anna : Astaghfirullah!
(Anna hampir pengsan dan Furqan cuba memegang Anna)

Anna : Jangan sentuh aku!

Furqan : An, maafkan aku! Dengarkan ceritaku! Kamu jangan marah! Kamu jangan menangis dulu An!

Anna : Jangan dekat!

⁸⁵ Muṣṭafā `Abd al-Rahman (2001), *Op. Cit.*, Hlm. 352-353.

- Furqan : An, *please!* Kamu dengarkan dahulu ceritaku! Aku akan bicara dengan sejurus-jujurnya! Selain itu terserah kamu! Tolong An, dengarkan ceritaku dahulu. Arju..
- Anna : Baik, ceritakan! Tetapi mendengar pengakuanmu tadi, hati aku sakit sekali!
- Furqan : Wallahi! Aku tidak pernah melakukan larangan Allah.
- Anna : Bohong! Kamu jelik sekali! Sehingga kamu mendustai aku dan keluargaku! Bahkan kamu mendustai seluruh orang yang hadir saat akan pernikahan kita! Dari mana kamu mendapatkan penyakit itu, jika kamu tidak berzina! Susah sekali rasanya bagi aku memaafkan kamu, Fur!
- Furqan : Aku amat mencintai mu An! Aku sangat menghormati mu! Aku tidak mahu menyalimi mu! Kalau aku mahu, aku bisa sahaja melaksanakan tugasku sebagai seorang suami. Lalu aku dan kamu sama-sama terkena *infected*. Selesai!
- Anna : Lalu kenapa kamu menikahi aku?!
- Furqan : Kerana aku mencintaimu An!
- Anna : Cintamu itu sangat menyakiti ku, Fur! Cintamu tu seperti jahanam bagi ku! Apa ini yang sebenar kamu inginkan dari ku! Aku cuma kamu jadikan boneka dalam kehidupan mu?! Atau sebagai aroma kamar bisa kamu dapati harumnya?! Atau sebagai simbol keangkuhanmu sebagai berhak memiliki apa sahaja?! Kamu Sarjana agama Fur! Kamu tahu syariat! Kamu tahu kitab Allah! Kamu tahu tuntutan Rasulullah! Pernikahan yang bisa menyakiti pasangan itu haram hukumnya! Kamu tahu itu kan?
- Furqan : Aku minta maaf, An. Aku terima semua keputusan kamu.
- Anna : Baik! Ceraikan aku!
- Furqan : Tidak ada pilihan lagi An?
- Anna : Tidak!
- Furqan : Kapan aku menceraikan kamu?
- Anna : Sekarang juga!
- Furqan : Baik, aku akan menceraikan kamu. Tetapi dengan dua syarat.
- Anna : Tanpa syarat apa-pun!
- Furqan : Tidak sedikit pun kamu simpati kepada aku, An?! Dalam keadaan putus asa aku masih menggunakan hati nurani ku. Aku tidak ingin

terus melakukan jenayah ini kepada mu! Aku hanya minta dua syarat, yang tidak berat untuk mu! Pertama, sebelum aku ceraikan kamu izinkan aku mengucup kepingmu sebagai tanda perpisahan terakhir. Yang kedua, tolong jaga rahsia apa-apa pun yang telah menimpaku bagi menjaga kehormatan keluargaku. Jika kamu tidak mahu, sekarang juga aku tunaikan tugas ku sebagai seorang suami. Lalu kita sama-sama terkena *infected*. Aku berhak melakukan itu kepada mu kerana aku masih suami mu!

Anna : Baik, aku terima syarat mu. Tapi aku pegang janji mu. Kamu ceraikan aku setelah mengucup keping ku.

Furqan : Allah jadi saksi kita berdua. Setelah aku kucup keping mu, maka jatuhlah talak ku kepada mu.

Kamu boleh pergi. Aku nikahi kamu dengan cara baik-baik, dan aku ceraikan juga dengan cara baik-baik. Aku jatuhkan talak satu pada mu dan mulai detik ini kamu bukan lagi isteriku.

Anna : Terima kasih!

Dari pemerhatian babak konflik dalam filem ini masih terkawal dan tidak ada sebarang unsur-unsur keganasan, penghinaan, kegila-gilaan dan perkara yang bertentangan dengan syarak dan kesopanan Islam. Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini jika sesuatu perkara itu terhindar dari unsur-unsur haram maka hukumnya adalah halal.

Bersesuaian dengan kaedah:

الاصل في الاشياء الاباحية

Maksudnya: *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah.*

Kesimpulannya babak dalam filem ini halal dilakukan dan ditonton, malah mungkin sesuai dijadikan contoh pada filem-filem lain. Bagi penulis semua ini bergantung kepada kreativiti pengarah dan penulis skrip filem. Tidak semestinya babak konflik

mesti ada unsur-unsur cacian, persentuhan, keganasan, penghinaan dan seumpamanya.

ii. Menjauhi Diri Dari Syubhah Kerana Takut Terlibat Dalam Haram

Terdapat suatu persoalan yang tidak begitu jelas antara halal yang nyata dan haram yang nyata. Hal ini dikenali sebagai syubhah yang mungkin dihadapi oleh sebahagian manusia yang berada dalam keadaan samar antara halal dan haram. Kesamaran ini ada kala disebabkan oleh dalil-dalilnya yang tidak jelas dan juga tidak jelas dalam penerapan nas (*tathbiq nash*) atas masalah berkenaan.⁸⁶

Perwatakan dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang mempunyai unsur syubhah adalah seperti berikut:

			
Duration 0:00:10.80 Time 0:00:02.43	Duration 0:00:10.80 Time 0:00:02.46	Duration 0:0:10.80 Time 0:00:02.56	Duration 0:00:10.80 Time 0:00:02.62

⁸⁶ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 35.



Gambar Rajah 4.9

Dalam bab dua kajian ini telah menjelaskan bagi mana-mana filem yang mempamerkan wanita dalam keadaan yang bertentangan dengan syarak iaitu dalam keadaan mendedahkan aurat atau pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan yang bukan *mahram*, maka filem sebegini adalah haram dan dilarang.⁸⁷ Dengan kata lain lakonan yang dilakonkan mestilah tidak sampai berlakunya persentuhan dan percampuran antara lelaki dan perempuan yang bukan *mahram*, sehingga terjaga dari fitnah dan menolak *syubhah*.⁸⁸

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا نُيْطَعِنَ فِي رَأْسِ أَحَدٍ كُمْ بِمُخْيَطٍ مِنْ حَدِيدٍ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَمْسَسَ امْرَأَةً لَا تَحْلُّ لَهُ

Maksudnya: "Jikalau salah seorang dari kamu kepalanya ditusuk dengan jarum dari besi, itu lebih baik baginya daripada menyentuh perempuan yang tidak halal baginya."

(Riwayat Bayhaqī dan Ṭabarānī)⁸⁹

⁸⁷ Muḥammad Rasyīd Redā (1970), *Op. Cit.*, Hlm. 549-554.

⁸⁸ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2003), *Op. Cit.*, Hlm. 245.

⁸⁹ Sulaymān bin Aḥmad bin Ayūb bin Muṭairī al-Lukhmī al-Syāmī, Abū al-Qāsim al-Ṭabrānī (1983), *Op. Cit.*, Hlm. 211.

Sebagai contoh dalam gambar rajah 4.9 terdapat persentuhan antara artis lelaki dengan wanita. Kemesraan antara Azzam dengan Eliana begitu ketara semasa tiba di lapangan terbang sehingga wujud persentuhan antara Azzam dan Eliana. Walaupun sentuhan itu tidak begitu ketara tetapi ia masih boleh dipertikai. Tambahan lagi tidak ada langsung di raut muka Azzam rasa bersalah atau ingin mengelak ketika Eliana memegang lengan tangannya.

Walaupun persentuhan ini nampak ringan namun babak seperti ini perlu dielakkan, kerana sebagai filem Islam atau produk Islam ia perlu bersih dari segala perkara syubhah mahupun haram. Hal ini kerana setiap yang syubhah boleh menyebabkan haram dan setiap yang halal tidak boleh bercampur dengan yang haram. Ini bersesuaian dengan kaedah:

اتقاء الشبهات خشية الوقوع في الحرام

Maksudnya : *Menjauhi diri dari syubhah kerana takut terlibat dalam haram.*

Tegas Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

الْحَلَالُ بَيْنُ وَالْحَرَامِ بَيْنُ، وَبَيْنَ ذَلِكَ أُمُورٌ مُشْتَهَىٰتٌ، لَا يَدْرِي كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ أَمِنٌ
الْحَلَالِ هِيَ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ، فَمَنْ تَرَكَهَا اسْتِرْأَاءً لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ فَقَدْ سَلَمَ، وَمَنْ وَاقَعَ
شَيْئًا مِنْهَا، يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَ الْحَرَامَ، كَمَا أَنَّهُ مِنْ يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَىِ، يُوشِكُ أَنْ
يُوَاقِعَهُ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَىٌ، أَلَا وَإِنَّ حِمَىَ اللَّهِ مَحَارِمٌ

Maksudnya: "Yang halal sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas, di antara keduanya itu ada beberapa perkara yang belum jelas (syubhah), banyak orang yang tidak tahu apakah dia itu masuk bahagian yang halal atau yang haram? Maka barang siapa yang menjauhinya kerana hendak membersihkan agama dan kehormatannya, maka dia akan selamat,. dan barang siapa mengerjakan sedikit pun daripadanya hampir-hampir ia akan jatuh ke dalam haram, sebagaimana orang yang menggembala kambing di sekitar daerah larangan, dia hampir-hampir akan jatuh kepadanya. Ingatlah! Bahawa tiap-tiap raja mempunyai daerah larangan. Ingat pula, bahawa daerah larangan Allah itu ialah semua yang diharamkan."

(Riwayat al-Bukhārī, Muslim dan al-Tirmidhī, dan riwayat ini adalah lafaz al-Tirmidhī)⁹⁰

Kesimpulannya perwatakan dalam babak ini perlu bersih dari unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam mahupun perkara syubhah. Selain itu ia juga perlu terhindar daripada dosa kecil mahupun daripada dosa besar. Isu persentuhan dalam filem sudah menjadi kebiasaan, maka sudah masanya penggiat filem lebih kreatif bagi menyelesaikan masalah ini. Tidak ada yang mustahil jika kita benar-benar ikhlas dalam menyebarkan amar makruf nahi mungkar.

iii. Setiap yang Halal Tidak Memerlukan yang Haram

Salah satu kebaikan Islam dan kemudahannya kepada manusia ialah Islam tidak akan mengharamkan sesuatu melainkan ia digantikan dengan sesuatu yang lebih baik yang dapat memenuhi keperluan itu. Begitulah jika kita patuh kepada semua hukum Allah s.w.t, kita akan dapati bahawa Allah s.w.t. tidak akan mengharamkan sesuatu, melainkan di situ juga dibuka suatu keluasan dari segi lain. Kerana Allah s.w.t. tidak mengehendaki hamba-hamba-Nya merasa sempit, susah dan takut. Malah sebaliknya Allah s.w.t. mengehendaki hamba-hamba-Nya merasa senang, mudah, beroleh kebaikan, petunjuk dan rahmat.⁹¹

Perwatakan dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang menyamai kaedah ini adalah seperti berikut:

⁹⁰ Muḥammad bin 'Isā bin Sawrah bin Mūsā bin al-Ḍaḥḥak al-Tirmidhī Abū 'Isā (1998), *Op. Cit.*

⁹¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*



Gambar Rajah : 4.10

Dalam babak gambar di atas, terdapat persentuhan kecil di antara Eliana dan Azzam.

Walaupun persentuhan ini nampak kecil atau ringan tetapi sebagai filem yang membawa mesej dakwah maka ia perlu bersih dari segala perkara yang boleh menyebabkan fitnah kepada filem Islam. Hal ini kerana mungkin filem ini atau mana-mana filem Islam yang lain akan menjadi panduan atau contoh kepada filem lain. Jika terdapat perkara yang salah dan ikuti oleh orang lain akan menyebabkan kerosakan yang sama atau lebih teruk kepada orang diikuti atau mereka yang mengikuti.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًىٰ، كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أَجْوَرِ مَنْ تَبَعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْئًا، وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالٍ، كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِنْجِزِ مِثْلُ آثَامِ مَنْ تَبَعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا

Maksudnya : *Barang siapa mengajak kepada kebaikan, maka dia dapat pahala sebanyak pahala yang diperoleh orang yang mengikutinya tanpa mengurangi pahala mereka sedikit pun. Sebaliknya, barang siapa mengajak kepada kesesatan, maka dia dapat dosa sebanyak dosa yang diperoleh orang yang mengikutinya tanpa mengurangi dosa mereka sedikit pun.*

(Riwayat Muslim)⁹²

Jika babak persentuhan ini masih berlaku ia mungkin boleh menjadi ikutan kepada filem-filem lain, malah lebih bahaya jika dijadikan rujukan bagi menghalalkan persentuhan antara artis lelaki dan wanita. Oleh itu setiap perkara yang boleh membawa kemudaratan maka wajib dihilangkan.⁹³ Terdapat kaedah yang menegaskan:

الضرر يزال

Maksudnya : *Kemudaratan itu harus dihilangkan.*⁹⁴

Malah dikuatkan lagi dengan firman Allah s.w.t.:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi.*

(al-A'raaf(7) : 56)

⁹² Muslim bin al-Hajjāj Abū al-Ḥasan al-Qusyayrī al-Naysābūrī (t.t), *Op. Cit.*, Juz. 4, Hlm. 2060.

⁹³ `Abd al-Mudjib (2010) *Kaidah-kaidah Ilmu Fiqih*, Cet. 8, Jakarta: Kalam Mulia, Hlm. 34.

⁹⁴ *Ibid.*

إِنَّ اللَّهَ لَا تُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ
VV

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.

(al-Qashash (28): 77)

Begitu juga dalam sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَارَ

Maksudnya : Tidak ada kemudarat dan tidak boleh berbuat mudarat.
(Riwayat Imam Mālik, Ibn Mājah dan Dār al-Quṭnī)⁹⁵

Kesimpulannya sebagai filem dakwah filem ini perlu menjadi contoh kepada filem yang lain. Jika masih terdapat unsur-unsur bertentangan maka ia terkeluar dari maksud filem Islam, kerana filem Islam adalah produk halal. Unsur halal tidak boleh bercampur dengan unsur haram, kerana jika berlaku percampuran maka unsur haram akan menguasai unsur halal. Oleh itu, mana mungkin filem yang masih terdapat unsur haram boleh dijadikan contoh atau panduan kepada filem lain. Malah ia mungkin boleh membawa ke arah yang lebih teruk ke atas filem yang diikut dan mengikuti (dosa).


iv. Niat Yang Baik Tidak Menghalalkan Yang Haram

Islam menghargai apa sahaja yang dapat mendorong untuk berbuat baik, niat yang baik dan mulia di dalam semua pensyariatan dan penghalalannya. Dengan niat yang baik, perkara yang harus dan adat dapat diangkat menjadi ketaatan dan ibadah

⁹⁵ Sulaymān bin Aḥmad bin Ayūb bin Muṭairī al-Lukhmī al-Syāmī, Abū al-Qāsim al-Ṭabrānī (t.t.), *Op. Cit.*

kepada Allah.⁹⁶ Manakala perkara yang diharamkan, ia akan tetap dihukum sebagai haram sekalipun orang yang melakukannya berniat baik atau bertujuan mulia.⁹⁷ Islam selama-lamanya tidak menerima perbuatan yang haram itu sebagai jambatan untuk mencapai matlamat yang terpuji, kerana syariat Islam tidak mengakui sama sekali prinsip “*matlamat menghalalkan cara*”.⁹⁸

Perwatakan dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang menyamai kaedah ini adalah seperti berikut:



Gambar Rajah : 4.11

⁹⁶ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ *Ibid.*

Babak ini menggambarkan perwatakan mesra antara suami dan isteri. Perwatakan ini dilakukan oleh Andi Arsyil Rahman dan Oki Setiana Dewi. Andi Arsyil Rahman memegang watak Furqan iaitu suami kepada Anna, manakala Oki Setiana Dewi memegang watak Anna iaitu isteri kepada Furqan. Sudah pasti dan sedia maklum kedua-dua pelakon ini tiada hubungan *mahram* dan bukan juga suami isteri. Tetapi yang ditayangkan agak mengecewakan, kerana terdapat persentuhan mesra antara kedua-dua pelakon ini.

Bagaimana filem yang dikatakan filem dakwah dan berniat untuk berdakwah pelakonnya boleh melakukan perwatakan tersebut. Perwatakan ini seperti cuba menghalalkan perkara yang tidak halal walaupun ia berniat baik. Mungkin perwatakan ini hendak menggambarkan contoh kemesraan pasangan antara suami isteri. Tetapi niat itu tetap tidak mampu menghalalkan perkara yang haram sama ada dalam lakonan maupun luaran. Sepatutnya babak sentuhan itu tidak perlu dilakukan, kerana ia hanya babak kecil sahaja. Jika babak itu tidak dilakukan jalan penceritaannya masih lagi menarik dan tidak mencacat mana-mana babak.

Perlu diketahui setiap yang haram tidak dapat dihalalkan dengan tujuan atau niat yang baik. Namun perkara haram hanya boleh menjadi halal jika dalam keadaan darurat sahaja. Tetapi dalam babak ini masih belum sampai ke tahap darurat malah tidak ada langsung sebarang darurat. Ini yang telah ditegaskan dengan kaedah:

النية الحسنة لا تبرر الحرام

Maksudnya: *Niat yang baik tidak menghalalkan yang haram.*

Sebenarnya telah banyak kedengaran dari mulut-mulut pengarah filem mengatakan kononnya bertujuan baik dan hanya sekadar pengajaran atau hiburan semata-mata. Sebagai contoh pengarah filem *Mencari Cinta* iaitu Shirin Khuzaimi pernah menyatakan :⁹⁹

“Mereka tidak seharusnya melihat karya saya ini pada satu sudut saja sebaliknya tonton dulu filem ini sebelum memberi sebarang pandangan. Apa yang saya paparkan dalam filem ini adalah kisah cinta suami isteri berlandaskan sunnah Nabi Muhammad S.A.W.

“Saya juga terlebih dulu menapis beberapa babak yang dirasakan keterlaluan untuk mengelakkan ada babak kurang manis seperti suami isteri bercumbuan kerana sedar ia pasti akan menimbulkan kontroversi.

*“Terus-terang saya katakan, idea menghasilkan filem ini menerusi sunnah Nabi yang mana menyatakan bahawa bersikap romantis dan membahagiakan pasangan dengan belaihan mampu mengikat kasih. Lebih penting, apa yang mahu disampaikan menerusi *Mencari Cinta* adalah suami harus melayan isteri.*

“Perkara ini ada yang beranggapan ia terlalu seksual tetapi hendak diikutkan, ia ada dalam sunnah. Saya bukan sengaja untuk menimbulkan kontroversi semata-mata mahu menarik perhatian orang untuk menonton filem ini.

“Apa yang ingin saya paparkan, banyak pengajaran yang boleh diperoleh menerusinya terutama dalam keadaan sekarang apabila ramai daripada kita yang tidak memahami akan konsep berkongsi hidup sebagai suami isteri dan berumah tangga,”

Inilah contoh kesan yang mungkin akan berlaku jika filem dakwah sendiri masih menayangkan perkara-perkara haram sama ada dosa-dosa kecil maupun besar. Hal ini kerana masing-masing ingin menghasilkan filem dakwah tetapi berapa ramai penggiat filem faham tentang dakwah. Adakah semua perkara boleh kita sampaikan

⁹⁹ My Metro, *Selebriti*, <http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Bukanfilem18SX/Article>, 20 Januari 2013.

melalui *uslub* yang sama? Sebagai contoh adakah dengan cara untuk memberi kesedaran tentang pondan, maka kita terpaksa melakonkan watak pondan? Adakah dengan cara untuk memberi kesedaran tentang murtad, maka kita terpaksa melakonkan watak murtad? Adakah dengan cara untuk memberi kesedaran tentang arak, maka kita terpaksa berlakon dalam kelab malam? Seperti telah dijelaskan niat yang baik tidak mampu untuk menghalalkan perkara-perkara haram. Sedangkan setiap perkara akan dinilai oleh Allah s.w.t., sama ada dosa kecil maupun dosa besar.

Firman Allah s.w.t.:


فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ، وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ،

Maksudnya : *Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!. Dan sesiapa berbuat kejahanatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!*.

(al-Zalzalah (99): 7-8)

Kesimpulannya filem ini bermula dengan niat yang ikhlas kerana Allah s.w.t., maka oleh itu ia perlu halal dari unsur-unsur haram. Walau bagaimanapun niat yang ikhlas atau niat yang baik bukan tiket bagi menghalalkan unsur haram. Perkara haram tetap haram dan tidak akan berubah walaupun berniat baik. Filem dakwah tidak akan mampu menjadi risalah Islam jika terdapat unsur haram. Oleh itu penggiat filem perlu ada ilmu Islam agar dapat membezakan antara unsur halal dan haram. Malah penggiat filem perlu juga memahami ilmu dakwah yang sebenar, kerana tidak semua perkara atau masalah boleh diselesaikan dengan *uslub* yang sama.

Selain itu terdapat juga perwatakan lain yang menyamai kaedah ini, perwatakan tersebut seperti berikut:



Gambar Rajah : 4.12

Di Malaysia dan Indonesia telah banyak melahirkan drama, pementasan dan filem yang berunsur Islam. Tetapi adakah ia benar-benar menepati syarak, sedangkan pembikinan drama, pementasan dan filem tersebut tiada campur tangan dengan mana-mana ulama. Sehingga ada dalam sesetengah babak yang dilakukan melanggar syariat Islam. Apabila ditanya dengan yakin mereka berkata “kami berniat baik.” Adakah dengan berniat baik ia mampu menghalalkan perkara yang telah jelas haramnya.

Yūsuf al-Qaraḍāwī ada menegaskan adapun setiap perbuatan yang haram tetap dinilai haram betapa pun baik dan mulianya niat dan tujuan itu. Dengan kata lain perkara-perkara yang haram itu tidak boleh dipakai alat untuk mencapai tujuan yang terpuji. Ini kerana agama Islam hanya menerima tujuan yang suci dengan melalui caranya yang suci juga.¹⁰⁰ Bersesuaian dengan kaedah :

النية الحسنة لا تبرر الحرام

Maksudnya: *Niat yang baik tidak melepaskan yang haram.*

Sebagai contoh babak dalam gambar rajah 4.12 menggambarkan kasih sayang antara ibu dan anak. Mungkin watak-watak ini bertujuan menggambarkan hubungan baik yang dilahirkan dalam institusi kekeluargaan Islam. Walau bagaimanapun babak persentuhan ini tetap perlu dihindarkan, kerana perkara haram tidak akan menjadi halal walaupun dengan berniat baik.

Persentuhan antara lelaki dan wanita walaupun berlapik tetap perlu dijauhi. Jika tidak ia mungkin boleh disalah ertikan oleh sesetengah individu yang menghalalkan lakonkan berpelukan asalkan ia berlapik. Sedangkan agama Islam hanya menghalalkan persentuhan antara lelaki dan wanita yang bukan *mahram* hanya ketika darurat dan pada masa, tempat dan keadaan itu sahaja.¹⁰¹ Contohnya dibolehkan persentuhan antara doktor dan pesakit yang bukan *mahram*, tetapi hanya dihalalkan pada masa rawatan dan pada kawasan tertentu sahaja. Bersesuaian dengan hadis riwayat Baīhaqī dan Ṭabrānī sebelum ini, yang melarang persentuhan antara lelaki dan wanita yang bukan *mahram*.

¹⁰⁰ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2003), *Op. Cit.* Hlm. 37-38.

¹⁰¹ Muṣṭafā al-Khin dan Muṣṭafā al-Bughā (2000), *al-Fiqh al-Manhajī*, Beirut: Dār Syamiyah, Hlm. 45.

Kesimpulannya babak persentuhan ini tidak perlu dilakukan, walaupun ia bertujuan baik atau memberi pengajaran. Hal ini kerana filem Islam ataupun filem dakwah wajib bersih dari unsur-unsur haram mahupun syubhah. Unsur-unsur ini boleh mengharamkan babak-babak tertentu sahaja dan boleh juga mengharamkan keseluruhan filem. Oleh kerana itu Naim Hj Ahmad membezakan antara ‘filem Islam’ dengan filem ‘filem berunsur Islam’ serta filem yang tidak termasuk ke dalam kedua-dua kumpulan ini atau dapat diistilahkan sebagai ‘filem mungkar’.¹⁰²

4.2.5 UNSUR PENGAJARAN DALAM FILEM

Dewasa kini industri filem semakin berkembang maju. Penerbit-penerbit filem berlumba-lumba menerbitkan pelbagai filem seperti filem komedi, filem seram, filem cinta, filem kanak-kanak dan lain-lain lagi. Filem-filem ini dihasilkan bagi tujuan memperoleh keuntungan. Maka sesebuah filem perlu memenuhi selera masyarakat. Manakala bagi filem yang dihasilkan bagi tujuan media dakwah, media perjuangan, maka soal selera penonton juga perlu diambil kira.¹⁰³ Pembikinan filem haruslah tidak hanya atas dasar komersial semata-mata. Tetapi ia perlu diabadikan atas jalan yang direddai Allah s.w.t. dengan bersumberkan ilham dari wahyu Ilahi iaitu dari Quran dan Hadis.

Di bawah ini terdapat beberapa unsur pengajaran dari filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang boleh dihubung kaitkan dengan kaedah-kaedah asas halal dan haram:

¹⁰² Naim Haji Ahmad (2011), *Op. Cit.*

¹⁰³ A. Wahab Hamzah (2005), *Op. Cit.*, Hlm. 11.

i. Asal Bagi Setiap Sesuatu Adalah Mubah

Jumhur ulama berpandangan bahawa asal setiap sesuatu adalah harus sehingga datangnya dalil atas pengharamannya.¹⁰⁴ Tidak ada satu yang haram melainkan jika ada nas yang sah dan jelas dari syarak yang mengharamkannya. Jika tidak ada nas yang sah misalnya kerana ada sebahagian hadis yang lemah atau tidak ada nas yang sarih (tegas atau jelas) yang menunjukkan haram, maka hal tersebut tetap sebagaimana asalnya iaitu harus.¹⁰⁵

Unsur pengajaran dari filem *Ketika Cinta Bertasbih* yang menyamai kaedah ini adalah seperti berikut:

			
Duration 0:00:17.35 Time 0:00:04.44	Duration 0:00:17.35 Time 0:00:07.67	Duration 0:00:17.35 Time 0:00:10.12	Duration 0:00:17.35 Time 0:00:14.80

¹⁰⁴ Ibrāhīm Muḥammad Maḥmud al-Harīrī (1998), *Op. Cit.*

¹⁰⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

			
Duration 0:00:03.00 Time 0:00:02.97	Duration 0:00:47.76 Time 0:00:01.59	Duration 0:00:47.76 Time 0:00:21.82	Duration 0:00:47.76 Time 0:00:29.88

Gambar Rajah : 4.13

Kebiasaan dalam kebanyakan filem adalah berunsur percintaan. Cinta merupakan salah satu perasaan yang biasa wujud dalam hierarki insan dan nafsu manusia. Unsur percintaan dalam filem biasa dilakonkan dengan kemesraan hubungan antara lelaki dan wanita. Sudah pasti akan berlaku persentuhan antara lelaki dan wanita yang bukan *mahram*, lebih malang dengan tanpa segan dan malu artis lelaki dan wanita sanggup berlakon aksi ciuman dan pelukan.

Tegas Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

لَأَنْ يُطْعَنَ فِي رَأْسِ أَحَدٍ كُمْ بِمِخْيَطٍ مِنْ حَدِيدٍ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَمْسَسْ أَمْرَأَةً لَا تَحْلُّ لَهُ

Maksudnya: "Jikalau salah seorang dari kamu kepalanya ditusuk dengan jarum dari besi, itu lebih baik baginya daripada menyentuh perempuan yang tidak halal baginya."

(Riwayat Bayhaqī dan Ṭabrānī)¹⁰⁶

Bagi menggambarkan erti sebuah percintaan tidak semestinya perlu ada persentuhan antara lelaki dan wanita. Tetapi sebaliknya bagaimana kreatif kita untuk menggambarkan sebuah erti percintaan. Sebagai contoh gambar rajah 4.13

¹⁰⁶ Sulaymān bin Ahmad bin Ayūb bin Muṭairī al-Lukhmī al-Syāmī, Abū al-Qāsim al-Ṭabrānī (1983), *Op. Cit.*, Hlm. 211.

menggambarkan erti sebenar sebuah percintaan serta kehebatan sebuah cinta yang sejati. Walaupun tanpa wujud persentuhan atau kemesraan antara lelaki dan wanita, babak ini masih mampu disampaikan melalui keindahan puisi cinta yang disampaikan oleh Anna dan Husna. Puisi cinta tersebut seperti di bawah:

Husna : Bagi ku, Cinta adalah kekuatan, Ia ada kemampuan, Mengubah duri menjadi mawar, Mengubah cuka menjadi anggur, Mengubah malang menjadi tuah, Mengubah sedih menjadi riang, Mengubah syaitan menjadi nabi, Mengubah iblis menjadi malaikat, Mengubah sakit menjadi sihat, Mengubah kedekut menjadi dermawan, Mengubah kandang menjadi taman, Mengubah penjara menjadi istana, Mengubah amarah menjadi ramah, Mengubah musibah menjadi muhibah, Itulah cinta.

Anna : Biarpun lidah sudah menghuraikan dengan jelas. Rasanya tanpa lidah, cinta lebih jelas. Sementara pena begitu tergesa-gesa menuliskannya. Kata-kata akan pecah berkeping-keping ketika sampai bab cinta. Dalam menghuraikan cinta akal terbaring tidak berdaya. Bagaikan keldai yang terbaring dalam lumpur. Cinta sendirilah yang menerangkan cinta dan percintaan.

Selain dari babak ini terdapat contoh babak lain yang boleh kita lihat mengenai hubungan kasih sayang antara adik kepada abang. Luahan ini juga dalam bentuk dialog tanpa melibatkan persentuhan antara artis lelaki dan wanita yang bukan *mahram*. Babak tersebut seperti dalam gambar rajah dan dialog di bawah :

 I'll present this trophy to my brother.	 selling soybean cake and meat balls in Cairo...	 To my brother who just arrived in Indonesia...	 In order to struggle for his younger sisters' fate...
Duration 0:04:33.82 Time 0:00:12.35	Duration 0:04:33.82 Time 0:00:30.31	Duration 0:04:33.82 Time 0:00:037.41	Duration 0:04:33.82 Time 0:00:42.00



Gambar Rajah : 4.14

Husna : Trofi ini saya hadiahkan untuk kakak (abang) saya. Dialah pahlawan saya yang mati-matian dia hidup dalam kuliah saya ketika ayah telah tiada. Seorang kakak (abang) yang membanting tulang sambil kuliah di al-Azhar, penjualan *tempe* dan *bakso* di Cairo demi adik-adik yang dicintainya. Untuk kakak (abang) saya yang baru tiba di Indonesia, setelah 9 tahun lamanya tidak bisa pulang. Demi memperjuangkan nasib adik-adiknya agar bisa tetap dapat melanjutkan sekolah, trofi ini buat kamu Mas Azzam.

Kau mencintai ku seperti bunga mencintai titah Tuhan,br/>Tidak pernah lelah menebar mekar aroma bahagia,
Tidak pernah lelah meneduh gelisah nyala.

Kau mencintai ku seperti matahari mencintai titah Tuhan,br/>Tidak pernah lelah membahagi cerahnya cahaya,
Tidak pernah lelah menghangatkan jiwa.

Pengajaran dari unsur ini ialah mendidik penggiat filem agar lebih kreatif dalam pembikinan filem, tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata tetapi perlu memastikan kesan dakwah yang ingin disampaikan. Oleh itu penggiat filem perlu tahu bagaimana menghasilkan sebuah filem yang halal tetapi jalan cerita masih menarik. Sebagai contoh tidak semestinya kemesraan suami isteri perlu dilakukan

di dalam bilik tidur, ia boleh digantikan dengan kemesraan suami isteri yang saling bantu-membantu memasak di dapur.

Maka secara langsung hukum unsur pengajaran dalam kedua babak ini adalah harus, menepati kaedah asas halal dan haram:

الاصل في الاشياء الاباحة

Maksudnya: *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah*

Selain dari kedua babak di atas terdapat unsur pengajaran lain yang menyamai kaedah ini, unsur pengajaran tersebut adalah seperti berikut :



Gambar Rajah : 4.15

Melahirkan sebuah filem Islam yang berkualiti dan bermutu bukan hanya mampu menjadi bahan seni dan hiburan Islam, tetapi bagaimana ia juga mampu memberi manfaat kepada masyarakat. Ini kerana asal hukum filem adalah harus dan bagaimana kreatif kita untuk manfaatkan filem agar ia tidak disalah gunakan sehingga menjadi haram. Kerana apa sahaja cara pun yang boleh membawa kepada perbuatan haram maka hukumnya adalah haram.¹⁰⁷ Bersesuaian dengan kaedah :

التحابيل على الحرام حرام

Maksudnya: “*Apa saja yang membawa pada haram adalah haram*”

Seperti dalam gambar rajah 4.14 menggambarkan bahawa kaum wanita mampu berjaya seperti kaum lelaki. Agama Islam tidak pernah membezakan antara kaum lelaki dan wanita dalam kewajipan menuntut ilmu malah menggalakkan agar mengecap kejayaan dan kegemilangan di dunia dan akhirat. Tidak seperti di zaman jahiliah, kelahiran anak perempuan dianggap sebagai suatu malapetaka dan penghinaan kepada keluarga. Islam mengutuk semua perasaan negatif terhadap anak perempuan dan menentang habis-habisan kepercayaan bahawa perempuan adalah simbol kejahatan dan kedukaan dengan kelahiran mereka. Islam juga mengakui hak perempuan untuk hidup.¹⁰⁸

Oleh kerana itu Allah s.w.t. telah mencela orang kafir melalui firman Nya:

وَجَعَلُونَ لِلَّهِ الْبَنَتِ سُبْحَنَهُ، وَلَهُمْ مَا يَشَهُدُونَ
وَإِذَا بُشِّرَ
أَحَدُهُمْ بِالْأُنْثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسَوًّا وَهُوَ كَظِيمٌ
يَتَوَرَّىٰ مِنَ الْقَوْمِ

¹⁰⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2003), *Op. Cit.* Hlm. 35.

¹⁰⁸ Abdul Basit Abdu Rahman (2012), *Keindahan Islam*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., Hlm. 172.

مِنْ سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ أَيْمَسِكُهُ عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدْسُهُ فِي الْتُّرَابِ أَلَا

سَاءَ مَا تَحْكُمُونَ

Maksudnya : *Dan mereka mengatakan Allah mempunyai anak-anak perempuan. Maha Suci Allah, sedang bagi mereka pula mereka sediakan apa yang mereka suka (anak-anak lelaki). Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati. Ia bersembunyi dari orang ramai kerana (merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang ia beroleh anak perempuan; sambil ia berfikir). Adakah ia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina atau ia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu.*

(*al-Nahl* (16): 57-59)

Sesungguhnya kewajipan dalam menunaikan ibadah itu layak ke atas lelaki dan wanita, serta mengarahkan wanita sebagaimana ia mengarahkan lelaki dan menjanjikan wanita pahala yang tidak dinafikan sama seperti dengan lelaki.¹⁰⁹

Firman Allah s.w.t.:

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيقُ عَمَلَ عَنْكُم مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُثَرٍ
بَعْضُكُم مِّنْ بَعْضٍ

Maksudnya : *Maka Tuhan mereka perkenan doa mereka (dengan firman-Nya): "Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang yang beramal dari kalangan kamu sama ada lelaki atau perempuan,(kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain.*

(*Ali `Imran* (3): 195)

¹⁰⁹ *Ibid.*, Hlm. 174.

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَاونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكُوَةَ
وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّرَ حَمْهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya : *Dan orang yang beriman lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahanatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

(al-Taubah (9): 71)

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَنِينَ
وَالْقَنِينَاتِ وَالصَّدِيقِينَ وَالصَّدِيقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَشِعِينَ
وَالْخَشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّابِرِمِينَ وَالصَّابِرَاتِ
وَالْحَفِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَفِظَاتِ وَالذَّكَرِينَ اللَّهُ كَثِيرًا
وَالذَّكَرَاتِ أَعَدَ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Maksudnya : *Sesungguhnya orang lelaki yang Islam serta orang perempuan yang Islam, dan orang lelaki yang beriman serta orang perempuan yang beriman, dan orang lelaki yang taat serta orang perempuan yang taat, dan orang lelaki yang benar serta orang perempuan yang benar, dan orang lelaki yang sabar serta orang perempuan yang sabar, dan orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang lelaki yang bersedekah serta orang perempuan yang bersedekah, dan orang lelaki yang berpuasa serta orang perempuan yang berpuasa, dan orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang perempuan yang memelihara kehormatannya dan orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.*

(al-Ahzab (33): 35)

Unsur pengajaran dalam babak ini memainkan peranan penting dalam memartabatkan agama Islam, agar masyarakat yang bukan beragama Islam dapat

memahami dan mendalami ajaran Islam. Islam tidak membezakan antara lelaki dan wanita serta tidak ada masalah gender dalam ajaran Islam. Mereka yang memusuhi Islam sering menjadikan isu gender ini sebagai serangan utama kepada Islam. Oleh itu sudah pasti salah satu usaha umat Islam adalah dengan memberi kesedaran dan kefahaman sebenar terhadap Islam melalui media massa terutamanya filem.

Maka secara langsung hukum unsur pengajaran dalam babak ini adalah harus, dan menepati kaedah asas halal dan haram:

الاصل في الاشياء الاباحية

Maksudnya: *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah*

Terdapat beberapa unsur pengajaran lain dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih*, unsur pengajaran seterusnya juga menyamai kaedah yang sama. Unsur pengajaran tersebut adalah seperti berikut:

			
Duration 0:00:08.93 Time 0:00:04.51	Duration 0:00:04.17 Time 0:00:01.15	Duration 0:00:17.85 Time 0:00:01.26	Duration 0:00:27.24 Time 0:00:03.24



Gambar Rajah : 4.16

Dalam gambar rajah 4.15 merupakan babak majlis pertunangan antara Anna dan Furqan. Dalam majlis pertunangan tersebut Anna telah memberi beberapa syarat yang perlu Furqan penuhi setelah mereka bernikah nanti. Pengajaran dalam babak ini menggambarkan bahawa agama Islam sentiasa memberi hak perlindungan kepada kaum wanita, serta menafikan tanggapan yang mengatakan agama Islam adalah agama yang kejam dan sentiasa menindas kaum wanita. Lebih menariknya perbincangan yang didatangkan bukan dalam bentuk fakta semata-mata tetapi disertakan dengan bukti dari perbincangan dari ulama silam. Babak ini boleh dijadikan contoh kepada filem-filem Islam yang lain. Filem-filem yang ingin memasukkan perbincangan agama perlu disertakan dengan bukti dalil atau kata-kata ulama. Agar setiap perbincangan yang dibincangkan tidak salah dari syarak dan mampu terhindar dari perkara yang syubhah.

Ini kerana sesebuah filem itu bukan sahaja diminta agar terhindar dari perkara-perkara haram, malah ia juga dituntut agar menjauhi perkara syubhah. Syubhah adalah persoalan yang tidak begitu jelas antara halal dan haramnya bagi manusia. Persoalan ini terjadi mungkin kerana tidak ada dalil yang jelas dan mungkin kerana

tidak jelasnya jalan dalam menerapkan dalil yang ada terhadap sesuatu persoalan.¹¹⁰ Oleh itu perlu ada kerjasama antara ulama dan industri filem agar dapat menjauhi perkara-perkara syubhah.

Bersetujuan dengan kaedah:

اتقاء الشبهات خشية الوقوع في الحرام

Maksudnya: "*Menjauhi diri dari syubhah kerana takut terlibat dalam haram.*"

Unsur pengajaran dalam babak ini memainkan peranan penting bagi mendidik penggiat Islam agar perlu berhati-hati dalam mengeluarkan sesuatu pandangan terutama pandangan yang tidak biasa didengar dan diamalkan oleh masyarakat. Hal ini kerana ia boleh menyebabkan fitnah kepada filem tersebut serta memberi kesan buruk kepada penonton. Penjelasan perlu dilakukan agar penonton benar-benar dapat memahami maksud sebenar isu yang ingin disampaikan, kerana tidak semua penonton mempunyai asas ilmu Islam yang cukup. Hal ini boleh menyebabkan salah faham terhadap ilmu baru yang ingin disampaikan.

Maka secara langsung hukum unsur pengajaran dalam babak ini adalah harus, dan menepati kaedah asas halal dan haram:

الاصل في الاشياء الاباحية

Maksudnya: *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah*

Seterusnya masih terdapat unsur pengajaran yang menyamai kaedah yang sama, unsur pengajaran tersebut adalah seperti berikut:

¹¹⁰ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2003), *Op. Cit.*, Hlm. 41.



Gambar Rajah 4.17

Gambar rajah 4.16 merupakan babak dialog antara Azzam dan Eliana. Dialog dalam babak ini amat menarik dan mempunyai maksud yang mendalam. Dialog babak tersebut seperti di bawah:

Eliana : Sebenarnya aku mahu bertanya kepada Mas Azzam kenapa waktu itu Mas Azzam bilang kalau mendapatkan sebuah *flying kiss* itu sebuah musibah?

Azzam : Begini, setiap orang pasti punya prinsip dalam dirinya, biasanya kan berdasarkan dengan apa yang diyakini kebenarannya. Betulkan?
Eliana : Iya.....?

Azzam : Prinsip hidup saya berdasarkan al-Quran dan juga Hadis. Dalam agama kita masalah kesucian itu harus diutamakan. Itu terbukti kenapa pelajaran pertama dalam buku-buku *fiqah* adalah bab

taḥarah tentang bersuci. Agar penganutnya selalu menjaga kesucian zahir mahupun batin. Di antara kesucian-kesucian yang dijaga adalah kesucian antara hubungan lelaki dan wanita. Kalau saya melakukan ciuman dengan wanita yang tidak halal bagi saya, bererti kan saya telah menodai kesucian saya sendiri dan juga menodai kesucian wanita itu kan? Maaf itu adalah musibah bagi saya. Mungkin orang mengatakan saya kolot, kampungan, tidak *jamani*, bahkan primitif sekalipun saya tidak peduli. Saya bahagia dengan apa yang saya yakini kebenarannya.

Dialog di antara Azzam dan Eliana memperlihatkan bahawa sesungguhnya agama Islam amat menitik kesucian hubungan antara lelaki dan wanita. Tetapi malangnya masalah ini yang banyak berlaku dalam filem sekarang. Artis lelaki dan wanita tidak rasa malu dan segan sehingga sanggup melakonkan babak peluk dan cium. Akhirnya adegan ini yang akan menjadi ikutan kepada anak muda sekarang. Hal ini kerana filem merupakan media-massa yang mempunyai pengaruh kuat dan secara langsung mampu mencorakkan tingkah laku orang ramai. Utusan yang datang dari media-massa dianggap sebagai peluru ajaib, kerana utusannya mempunyai kuasa yang mampu mencorakkan pendapat awam dan tingkah laku orang ramai mengikut kehendak komunikator.¹¹¹ Oleh itu babak-babak yang mampu membawa kepada maksiat wajib dijauhi dan dihindari.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَقْرُبُوا الْزِنَى إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: “*Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)*”.

(al-Isrāa' (17): 32)

¹¹¹ Samsuddin A. Rahimin (2003), *Komunikasi Asas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Hlm. 61-62.

Unsur pengajaran dalam babak ini memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran kepada penonton berkaitan masalah yang sedang berlaku dalam masyarakat. Maka sudah pasti penggiat filem perlu mengetahui masalah apa yang sedang dihadapi. Sebagai contoh masalah persentuhan antara lelaki dan wanita bukan *mahram*. Masalah ini bukan masalah kecil tetapi masalah yang perlu diambil perhatian. Setiap perkara yang mungkar perlu dicegah bukan tunggu setelah merebak baru hendak merawat. Dengan kata lain, mencegah lebih baik daripada mengubati. Inilah pendekatan ajaran Islam mencegah mana-mana jalan yang boleh membawa kepada kerosakan, kemudaratan dan bahaya. Oleh itu filem Islam juga perlu berperanan dalam membasmi dan mencegah segala bentuk kemungkaran.

Maka secara langsung hukum unsur pengajaran dalam babak ini adalah harus, dan menepati kaedah asas halal dan haram:

الاصل في الاشياء الاباحية

Maksudnya: *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah*

Seterusnya babak dalam gambar rajah 4.18 dan 4.19 juga terdapat unsur pengajaran yang menyamai kaedah yang sama. Ulasan ke atas kedua-dua babak tersebut adalah seperti berikut:

Duration 0:00:25.57 Time 0:00:16.08	Duration 0:00:18.60 Time 0:00:18.57	Duration 0:00:07.38 Time 0:00:07.35	Duration 0:00:07.38 Time 0:00:06.68
Duration 0:00:04.80 Time 0:00:00.19	Duration 0:00:04.80 Time 0:00:01.92	Duration 0:00:14.56 Time 0:00:00.89	Duration 0:00:14.56 Time 0:00:04.93

Gambar Rajah 4.18

Seperti dalam gambar rajah 4.17 babak ini mempunyai nilai dakwah yang baik.

Filem Islam yang bermutu dan berkualiti adalah filem yang mampu menjadi media

dakwah kepada masyarakat. Dialog Azzam dalam babak ini ialah :

Azzam : Kamu fikir setelah ikhlas mendahulukan Zulkifli untuk menikahi Tiara kamu akan mendapatkan pahala.
 Tidak Fadhil, إِيْشَارَ بِالْقَرْبِ مُكْرُوِّهٌ وَفِي غَيْرِهَا مُحْبُوبٌ
 لا يُشَارَ mengutamakan orang lain dalam mendekatkan diri kepada Allah atau dalam hal ibadah itu hukumnya makruh, kalau mengutamakan orang lain untuk selain ibadah justeru itu sangat dianjurkan.

Dalam babak ini Azzam mengeluarkan kaedah *fiqh* bagi mengukuhkan hujahnya. Babak ini amat menarik, kerana kaedah yang digunakan tidak biasa didengar, maka ia mampu menjadi ilmu baru kepada masyarakat awam yang menonton. Kaedah *fiqh* tersebut seperti berikut:

إِيَّاهُ بِالْقَرْبِ مُكْرُوهٌ وَفِي غَيْرِهِ مُحْبُوبٌ

Maksudnya : *Mengutamakan orang lain dalam mendekatkan diri kepada Allah atau dalam hal ibadah itu hukumnya makruh. kalau mengutamakan orang lain untuk selain ibadah justeru itu sangat dianjurkan.*



Gambar Rajah 4.19

Lagi satu dialog babak yang menarik antara Azzam dan Fadhil ialah ketika Azzam melarang Fadhil untuk meminang Tiara. Dengan tegas Azzam melarang tindakan

Fadhil itu dengan didatangkan hadis Rasulullah s.a.w. Dialog babak tersebut seperti berikut:

Azzam : Dengar baik-baik Dil, jika engkau ikut ajakan Tiara maka engkau bukanlah lelaki sejati, tapi seorang pencundang. Pengkhianat yang tegar menikam saudaranya sendiri. Sekarang bayangkan berapa banyak orang yang sakit hati jika idea gila itu yang kamu lakukan. Cinta sejati itu menyembuhkan Dil, bukan menyakitkan. Kamu fikir Tiara bisa menggantikan sakit hati orang. Tidak Fadhil. Kawalkan perasaanmu sebab iblis selalu menunggangi manusia menuju dosa. Ingat sabda Rasul ikutilah ajaran Nabi, haram hukumnya bagi seorang Muslim melamar di atas lamaran saudaranya sendiri, malahi sampai menikahinya.

Dalam babak ini juga Azzam telah mengeluarkan maksud dari sepotong hadis bagi mengukuhkan lagi hujahnya. Asal hadis Rasulullah s.a.w. tersebut seperti berikut:

وَلَا يَخْطُبَ الرَّجُلُ عَلَى حَطْبَةِ أَخِيهِ، حَتَّىٰ يَتْرُكَ الْخَاطِبُ قَبْلَهُ أَوْ يَأْذَنَ لَهُ الْخَاطِبُ

Maksudnya: *Seseorang lelaki tidak boleh menikahi seorang perempuan yang telah dipinang oleh saudaranya (saudara seIslam) sehingga dia meninggalkannya (membatalkan pinangannya) atau dia mengizinkan peminangan itu.*

(Riwayat Muslim)¹¹²

Kedua babak ini menarik dan mampu memberi pengajaran kepada penonton. Kata-kata pengajarannya disandarkan kepada dalil hadis dan kaedah *fiqh*. Tidak banyak filem yang melakukan sedemikian, menyebabkan dakwah yang ingin disampaikan kadang-kadang menyalahi maksud yang sebenar. Filem dakwah perlu berhati-hati dalam berhujah. Setiap hujah mesti bersandarkan dengan sumber yang tepat, agar tepat maklumat yang disampaikan.

¹¹² Muslim bin al-Hajjāj Abū al-Hasan al-Qusyayrī al-Naysābūrī (t.t), *Op. Cit.*, Juz. 7, Hlm. 19.

Oleh kerana filem Islam mampu menjadi risalah dakwah maka pengukuhan sumber memang perlu diambil perhatian, ini kerana agar ia dapat memenuhi istilah dakwah yang biasa digunakan dalam masyarakat Islam iaitu *al-naṣīḥah*, *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy'an al-munkar*, *al-tabligh*, *al-tazkir*, *al-jihad fi sabil Allah*, *al-tarbiyah* dan *al-tawasi bi al-haq*.¹¹³

Firman Allah s.w.t.:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya : “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar; mereka adalah orang yang beruntung”.
 (Ali ‘Imrān (3): 104)

اَدْعُ اِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

Maksudnya : “Serulah (manusia) kepada jalan Rab mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik”.

(al-Nahl (16): 125)

وَادْعُ اِلَى رَبِّكَ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya : “Dan serulah mereka ke (jalan) Rabb mu, dan janganlah sekali-kali kamu termasuk orang yang mempersekuatkan Rabb”.

(al-Qaṣāṣ (28): 87)

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي اَدْعُوا اِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ اَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا اَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya : Katakanlah: “Inilah jalan (agama) ku, aku dan orang yang mengikuti ku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata, Maha suci Allah, dan aku tiada termasuk orang yang musyrik”.

(Yūsuf (12): 108)

¹¹³ Zulkiple Abd Ghani (2010), *Dakwah Dalam Era Siber di Malaysia*, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, Hlm. 2.

Unsur pengajaran dalam babak ini memainkan peranan penting dalam mengingatkan kita agar lebih berhati-hati ketika mengeluarkan hukum, maka penggiat filem perlu bersandarkan kepada dalil mahupun kaedah yang diiktiraf ulama. Kata-kata yang disandarkan dengan sumber yang tepat akan menguatkan lagi hujah yang sampaikan. Bukan mengambil ceduk dari sumber-sumber yang tidak pasti sehingga mungkin boleh menyebabkan berlakunya perkara-perkara syubhah. Malah setiap rujukan perlu dirujuk kepada mereka yang arif agar tidak berlaku salah faham terhadap sumber yang disandarkan.

Maka secara langsung hukum unsur pengajaran dalam babak ini adalah harus, dan menepati kaedah asas halal dan haram:

الاصل في الاشياء الاباحية

Maksudnya: *Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah*

4.3 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya unsur-unsur yang terdapat dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* ada yang harus, syubhah dan ada yang haram. Haram di sini lebih kepada slot babak tertentu tanpa mengharamkan keseluruhan babak, namun sebagai filem Islam kita perlu lebih berhati-hati agar menjauhi segala unsur-unsur haram mahupun syubhah. Oleh itu diharap analisis ini dapat menjadi panduan kepada penggiat filem lain dalam menghasilkan filem Islam. Perkara yang harus perlu dicontohi manakala perkara yang haram serta syubhah perlu ditinggalkan dan dijadikan sempadan agar kita tidak mengulangi kesilapan yang sama.